



MALAYSIA

Hari Selasa
16hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 5393]

KENYATAAN PERDANA MENTERI:

**Perjanjian Perkongsian Pengeluaran Minyak dan Gas antara PETRONAS
dengan Syarikat-syarikat Minyak [Ruangan 5416]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Jadual

Kepala B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 5424]

USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26), 1976 [Ruangan 5418]

Perintah Sercaj (Eksepot Getah), 1976 [Ruangan 5419]

Perintah Sercaj (Eksepot Timah), 1976 [Ruangan 5420]

Perintah Sercaj (Eksepot Minyak Kelapa Sawit), 1976 [Ruangan 5421]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1976 [Ruangan 5422]

Ordinan Eksais Sabah No. 18, 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 [Ruangan 5423]

Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27)—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 [Ruangan 5423]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 5425]

DICETAK OLEN

IBRAHIM BIN JOHARI, P.T.S., SETIA PENGARAH PECHATAAN
SEMIANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1978

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- .. **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- .. **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- .. **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- .. **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- .. **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- .. **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- .. **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- .. **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- .. **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULADMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- .. **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEB SEONG (Taiping).**
- .. **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- .. **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- .. **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEB PAN (Muar).**
- .. **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- .. **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelevu).**
- .. **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- .. **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am. **TUAN PATRICK ANEK URAN** (Bau-Lundu).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN** (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN** (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING** (Rajang).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P.** (Pengkalan Chepa).
- .. **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M.** (Padang Rengas).
- .. **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Alor Gajah).
- .. **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.** (Batu Pahat).
- .. **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN** (Kemaman).
- .. **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.** (Payang).
- .. **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., S.D.K.** (Ulu Padas).
- .. **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS** (Dungun).
- .. **DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K.** (Machang).
- .. **TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N.** (Raub).
- .. **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N.** (Kapit).
- .. **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD** (Hilir Perak).
- .. **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN** (Jasin).
- .. **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K.** (Kinabatangan).
- .. **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR** (Padang Terap).
- .. **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K.** (Labuk Sugut).
- .. **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD** (Permatang Pauh).
- .. **TUAN AU HOW CHEONG** (Telok Anson).
- .. **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.** (Kulim Bandar Bahru).
- .. **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM** (Batang Padang).
- .. **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K.** (Tuaran).
- .. **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- .. **TUAN CHIAN HENG KAI** (Batu Gajah).
- .. **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG** (Sarikei).
- .. **TUAN CHIN HON NGIAN** (Rengam).
- .. **PUAN CHOW POH KHENG** (Selayang).
- .. **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI** (Serian).
- .. **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S.** (Batang Lupar).
- .. **TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N.** (Ledang).
- .. **TUAN STEPHEN ROBERT EVANS** (Keningau).
- .. **TUAN FAN YEW TENG** (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHD. TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 16hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RUKUN TETANGGA

1. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan samada benar Rukun Tetangga ditubuhkan bagi membasmi-kan penjenayah, kegiatan anti-nasional dan lain-lain lagi, dan samada ganjaran akan di-beri oleh Kerajaan jika sekiranya seorang anggota R.T. itu mendapat kemalangan se-waktu bertugas kiranya ada ganjaran, nyata-kan cara-cara bayaran itu dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu memang-lah benar Rancangan Rukun Tetangga di-lancarkan oleh Kerajaan, antara lainnya ber-tujuan untuk membasmi-kan penjenayah dan kegiatan anti-nasional dalam negara kita.

Sekiranya terdapat seorang pemastautin berkelayakan yang menjalankan tugas Rukun Tetangga di dalam Sektor yang telah diwarta-kan dan mendapat kemalangan semasa ber-tugas. Kerajaan akan memberi pampasan kepadanya atau kepada tanggungannya. Syarat-syarat dan cara-cara untuk membayar atau membuat tuntutan pampasan adalah ter-takluk kepada Peraturan-peraturan Keselama-tan Dalam Negeri (Pampasan Bencana Orang-orang Awam) 1960. Tuntutan bolehlah dibuat

oleh sesiapa jua yang layak kepada Pejabat Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Urusetia Rukun Tetangga di Jabatan Perdana Menteri untuk menguruskan tuntu-tan itu.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR
BANDAR

2. **Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan me-mandangkan masih terdapat jurang perbezaan taraf kesihatan penduduk bandar dan luar-bandar terutamanya hasil dari kurangnya kemudahan-kemudahan rawatan kesihatan di luarbandar yang boleh membawa kepada ke-pincangan hidup, mereka termasuk jumlah kematian bayi-bayi yang tinggi dan lain-lain lagi berkaitan dengan ini.

- (a) Apa-apakah langkah-langkah bagi mengatasi keadaan ini samada dari segi rancangan jangka pendek atau jangka panjang;
- (b) Jumlah kematian bayi-bayi dan kanak-kanak di kawasan luarbandar dari tahun 1974 dan 1975 mengikut ke-turunan kaum;
- (c) Jumlah kematian keseluruhan pendu-duk-penduduk tidak kira umur mengikut keturunan kaum pada tahun 1974-1975;
- (d) Apakah kejayaan yang telah dicapai dari kempen zat makanan yang telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu terutamanya kesannya bagi pendu-duk luarbandar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan kepada perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di luarbandar. Hingga 31-12-75, kemajuan yang telah tercapai bagi mengadakan kemudahan-kemudahan ialah:

Pusat Kesihatan Besar	...	62
Pusat Kesihatan Kecil	...	239
Klinik dan Rumah Bidan	...	1,272
Klinik Desa	...	21

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 202 projek yang belum siap dalam Rancangan Malaysia Kedua akan disiapkan dan 387 projek baru akan juga dilaksanakan. Menjelang akhir tahun 1980 adalah dijangka jumlah klinik-klinik luarbandar yang akan sedia ialah seperti berikut:

Pusat Kesihatan Besar	...	146
Pusat Kesihatan Kecil	...	195
Klinik dan Rumah Bidan	...	831
Klinik Desa	...	738

Ini adalah langkah yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memperbaiki lagi taraf kesihatan penduduk-penduduk di luarbandar iaitu dengan menaikkan taraf semua pusat kesihatan kecil menjadi pusat kesihatan besar yang diketuai oleh seorang doktor yang meliputi 15,000-20,000 penduduk dan menaikkan taraf semua klinik-klinik bidan supaya menjadi klinik desa yang akan meliputi 3,000-4,000 penduduk.

Di Klinik-klinik ini jururawat desa akan memberi, bukan sahaja perkhidmatan perbidanan, akan tetapi juga rawatan, kawalan kesihatan kanak-kanak dan aktiviti-aktiviti mencegah penyakit-penyakit berjangkit.

Untuk meliputi semua penduduk-penduduk luarbandar, rancangan ini terpaksa akan mengambil masa, oleh kerana kesulitan hendak membina kemudahan-kemudahan ini dan menempatkan kakitangan-kakitangan yang terlatih. Sebagai rancangan jangka pendek pasukan bergerak yang diketuai oleh doktor akan melawat tempat-tempat terpencil untuk membuat rawatan dan kawalan penyakit, serta mengawal kesihatan ibu dan kanak-kanak. Setakat ini 26 pasukan telah ditubuh dan 10 pasukan lagi dicadangkan bagi 1977. Menjelang akhir tahun 1980 dijangka 66 pasukan bergerak akan berkhidmat di tempat-tempat terpencil. Pasukan-pasukan ini akan dikurangkan apabila klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan telah sedia untuk meliputi semua penduduk.

Selain daripada itu, beberapa rancangan khas sedang digiatkan di luarbandar, untuk menghapuskan penyakit-penyakit yang merbahaya dan untuk mengawal keselamatan ibu dan kanak-kanak. Rancangan-rancangan itu ialah Rancangan Pembasmian Malaria yang sekarang meliputi seluruh kawasan luarbandar; Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan yang akan meliputi 40 daerah dan 2.6 juta penduduk menjelang akhir tahun 1980; Rancangan Kebersihan Kawasan Sekeliling, yang akan meliputi 50% penduduk-penduduk luarbandar menjelang akhir 1980; dan beberapa kempen kawalan penyakit seperti tibi, untut dan puru, yang ditumpukan ke kawasan-kawasan luarbandar.

Suka juga saya sebutkan iaitu satu langkah mengawal keselamatan ibu dan kanak-kanak yang sedang dijalankan ialah memberi latihan kepada bidan-bidan kampung yang telah didaftarkan, supaya mereka dapat bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan kakitangan-kakitangan kesihatan. Setakat ini 1,500 bidan telah dilatih, dan 500 lagi akan diberi latihan pada tahun 1976/1977 ini. Penyiasatan telah menunjukkan bahawa bidan kampung yang diberi latihan telah dapat mengurangkan kematian ibu dan anak semasa bersalin.

- (b) Jumlah kematian bayi dan kanak-kanak mengikut keturunan kaum adalah seperti berikut—Perangkaan ini dapat pada tahun 1973 hingga tahun 1975 sahaja kerana tahun 1975 belum siap lagi.

Kematian bayi:

	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
1973 ...	7,421 (51.6%)	2,788 (58.9%)	1,385 (52.1%)	54 (47.0%)	11,648 (53.2%)
1974 ...	7,091 (49.3%)	2,640 (55.7%)	1,276 (48.0%)	60 (52.2%)	11,067 (50.6%)

Kematian Kanak-kanak (1-4 tahun)

	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
1973 ...	3,053 (41.1%)	776 (33.9%)	472 (48.2%)	17 (32.7%)	4,318 (42.6%)
1974 ...	2,574 (38.0%)	629 (27.5%)	424 (41.5%)	14 (26.9%)	3,641 (36.9%)

- (c) Jumlah kematian keseluruhan penduduk-penduduk seperti berikut:

	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
1973	34,392 (73.7%)	21,577 (94.5%)	8,429 (107.1%)	522 (68.9%)	65,276 (83.6%)
1974	33,853 (72.5%)	21,251 (93.1%)	8,408 (106.8%)	490 (64.6%)	64,000 (81.9%)

- (d) *Kempen amalan makanan dan pemakanan* setakat ini dijalankan di 13 daerah di negeri Selangor, Pahang, Trengganu, Kelantan, Kedah, Perak dan Sarawak di dalam tahun 1976 dan meliputi 970,000 penduduk luarbandar.

Satu tanda menunjukkan kejayaan kempen ini ialah bilangan kanak-kanak 1-4 tahun yang lebih berat badan telah bertambah baik yang membuktikan mereka lebih membangun, seperti di lihat di Kuala Langat.

Selain daripada itu, didapati kadar kematian kanak-kanak 1-4 tahun di daerah-daerah yang kempen ini telah berjalan beberapa tahun, telah jatuh seperti didapati di Daerah Kuala Langat.

	Semenanjung Malaysia	Kuala Langat
1967 ...	5.40	5.70
1974 ...	3.13	2.26

Oleh kerana kempen ini cuma telah mula dikembangkan ke daerah-daerah lain pada 1975, butir-butir kematian bagi daerah-daerah lain belum lagi dapat dinilai.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar dengan kenyataannya tadi bahawa dalam satu tahun yang disebutkan itu ada 3,000 bayi Melayu yang mati padahal orang lain cuma ada 700 lebih, ini menunjukkan empat kali ganda bayi Melayu mati, ini boleh jadi kebanyakannya berlaku di luar bandar. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kejadian ini oleh sebab kurangnya lagi klinik-klinik bidan yang ada di luar bandar dan kurangnya bidan-bidan terlatih yang dihantar ke luar bandar. Dan kebanyakan orang Melayu yang minta menjadi bidan atau jururawat kurang diterima oleh Kementerian Kesihatan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Ledang itu tidak sedar, yang sebenarnya banyak rancangan latihan yang sedang dijalankan sekarang ini untuk kawasan luarbandar.

Mengenai dengan kematian 3,000 yang disebutkan itu iaitu kanak-kanak 1 hingga 4 tahun pada tahun 1973 orang Melayu 3,053 orang tetapi bagi tahun 1974 telah turun daripada 3,053 orang kepada 2,574. Begitu juga bagi kaum lain kelahiran bayi-bayi ini adalah kurang sedikit. Inilah keadaan yang sebenarnya berlaku di seluruh tanah air kita.

TANAH RUNTUH DI LOMBONG-LOMBONG

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) Langkah-langkah ketat yang telah diambil oleh Jabatan Galian untuk mencegah berlakunya tanah runtuh di lombong-lombong di negeri kita khususnya di Perak;
- (b) samada Kerajaan bercadang menubuhkan Tabung Kebajikan untuk pekerja-pekerja lombong untuk membantu keluarga mereka-mereka yang mati di dalam kemalangan di lombong-lombong bijih, jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepertimana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah maklumkan kepada Dewan ini pada 13hb dan 14hb April yang lalu, Jabatan Galian sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah berlakunya tanah runtuh di semua lombong-lombong dan akan menjalankan tugas-tugas ini dengan rapi pada masa hadapan. Pada amnya keselamatan di lombong-lombong adalah tanggungjawab pelombong-pelombong sendiri sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Galian (Mining Enactment FMS Cap. 147). Jabatan Galian sentiasa memeriksa dan memberi nasihat serta mengeluarkan arahan-arahan mengenai keselamatan lombong kepada pelombong-pelombong sekalian. Untuk memperkemas lagi keselamatan di lombong-lombong, tindakan sedang diambil oleh Jabatan Galian untuk mengarahkan tiap-tiap pelombong menubuhkan sebuah Jawatankuasa Keselamatan yang dapat menjaga keselamatan lombongnya dan bertanggungjawab atas semua tindakan berkenaan dengan keselamatan. Di samping itu Jabatan Galian juga sedang mengambil tindakan untuk memberi ceramah tunjuk ajar kepada Pengurus, Kepala dan Pembantu Kepala Lombong berhubung dengan cara-cara keselamatan.

- (b) Sepertimana Dewan ini telah dimaklumkan pada 14hb April, 1976, bahawa Sekim Gantirugi Pekerja-pekerja (Workmen's Compensation Scheme) adalah meliputi pekerja-pekerja lombong dan keluarga mereka adalah diberi gantirugi di bawah sekim tersebut jika sekiranya mereka terbunuh di waktu bekerja. Kerajaan ada rancangan untuk meluaskan lagi "coverage" rancangan Pertubuhan Keselamatan Sosial atau SOCSO yang akan meliputi pekerja-pekerja seluruh negara. Kedua-dua sekim ini adalah dianggap sudah memadai untuk tujuan memberi gantirugi kepada keluarga pekerja yang menjadi mangsa dalam kejadian tanah runtuh di negara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Tabung Kebajikan Khas bagi pekerja-pekerja lombong.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen samada beliau sedar bahawa jumlah wang pampasan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja untuk keluarga-keluarga mereka yang mati dalam lombong-lombong amat kecil dan tidak mencukupi untuk membantu keluarga mereka. Jika beliau sedar, samada Kementeriannya akan berhubung dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk membincangkan hal ini dengan tujuan untuk menambahkan jumlah wang pampasan yang diberikan kepada mereka.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sedia maklum, gantirugi yang diberi di bawah Sekim Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation) akan naik daripada tahun depan daripada kadar bayaran bersama sekarang iaitu 36 bulan gaji atau \$7,000 (mengikut mana yang kurang) dan bagi kejadian-kejadian parah (total disability) 48 bulan gaji atau \$9,000 dinaikkan kepada 48 bulan gaji atau \$14,000 dan bagi total disability sampai 60 bulan gaji atau \$19,200. Kalau pampasan ini telah naik barangkali gantirugi yang diberi kepada keluarga yang mana pekerja-pekerja itu menjadi mangsa mungkin mencukupi.

PERUSAHAAN FILEM BUMIPUTRA

4. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar perusahaan filem Bumiputra masih ketinggalan jauh kebelakang, apakah rancangan beliau bagi memajukan Bumiputra di dalam perusahaan filem.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, perusahaan perfileman sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum adalah satu bidang perusahaan yang luas. Bagi membolehkan kita memperbaiki kedudukan kaum bumiputra yang jauh ketinggalan di belakang di dalam perusahaan ini maka perlu mereka diberi segala bimbingan dan bantuan. Memandangkan kepada besarnya peranan yang dimainkan oleh filem di dalam perkara sosio-ekonomi serta perkara perpaduan negara, perkara kebudayaan, Kerajaan telah menjalankan kajian terhadap perusahaan perfileman keseluruhannya dan kajian tersebut telah menghasilkan ketetapan supaya ditubuhkan satu Perbadanan Filem Nasional yang akan dapat diberi tugas dan tanggungjawab memastikan perkembangan perusahaan filem tempatan sesuai dengan kepentingan negara. Satu daripada peranan badan ini ialah untuk menolong memajukan kaum bumiputra di dalam bidang perusahaan perfileman tersebut.

Dalam pada itu sukalah saya mengesyorkan supaya syarikat-syarikat perfileman bumiputra yang ada sekarang ini bergerak dan bersedia di dalam semua aspek terutama sekali dalam bidang kemahiran dan organisasi supaya syarikat-syarikat tersebut dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang akan disediakan oleh Kerajaan pada masa akan datang.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa mengapa bumiputra tidak dapat mengambil bahagian yang cergas dalam perusahaan perfileman. Satu daripadanya ialah kerana tempat hendak menayangkan filem-filem ini tidak diberi kerana tidak ada, kerana panggung-panggung ini telah dibolot oleh syarikat-syarikat yang besar yang ada dalam negara ini. Kalau sedar, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk berunding dengan

Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendirikan panggung-panggung wayang yang standard di tiap-tiap negeri.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar ini adalah satu daripada sebab dalam mana kaum bumiputra tidak terlibat sangat dalam perkara khususnya penayangan filem iaitu kekurangan panggung. Masalah ini adalah juga di dalam kajian Jawatankuasa Khas Kabinet yang telah mengkaji perkara ini dengan mendalam dan satu daripada syor cadangan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa ini ialah untuk mengatasi masalah Ahli Yang Berhormat bangkitkan tadi iaitu menggerakkan Kerajaan-kerajaan Negeri menerusi Badan-badan Kemajuan Negeri apabila tertubuhnya Badan Filem Nasional dan dilaksanakan syarikat-syarikat itu supaya badan-badan berkenaan di peringkat-peringkat Negeri mengadakan chain of cinemas ataupun panggung-panggung wayang gelap yang kalau tidak diselenggarakan oleh syarikat-syarikat ataupun orang-orang perseorangan bumiputra dapat diselenggarakan oleh badan-badan yang berkenaan itu di peringkat-peringkat Negeri. Ini kita berharap akan dapat mengatasi masalah kekurangan bumiputra terlibat dalam perkara penayangan filem.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab-sebabnya yang menyebabkan usaha filem bumiputra dan juga bukan bumiputra yang bebas ialah disebabkan oleh kerana sekarang ini panggung-panggung wayang itu boleh dikatakan dimonopoli hanya oleh dua syarikat filem iaitu Cathay dan Shaw Brothers dan begitu juga filem-filem yang dibawa masuk ke dalam negeri ataupun disebarkan dalam Malaysia ini kebanyakannya, saya percaya 90% juga dibawa masuk oleh kedua-dua pengusaha syarikat Shaw Brothers dan Cathay ini. Kalau saya tidak silap banyak negeri-negeri

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya? Ini bersyarat, bercerita sahaja. Buatlah soalnya.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Adakah Kerajaan bercadang supaya tidak dibenarkan, tidak diizinkan pembawa-pembawa filem ataupun pembuat-pembuat filem seperti Shaw Brothers dan Cathay mempunyai panggung-panggung wayang iaitu

panggung wayang itu mesti dipunyai oleh orang yang tidak ada kena-mengena dengan pembuat atau pengedar filem. Adakah Kerajaan bercadang berbuat begitu?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri ini adalah meliputi berbagai-bagai rupa masalah yang dihadapi di dalam perusahaan perfileman. Satu daripada masalah juga ialah umpamanya pengimpotan filem daripada luar negeri. Kita mengakui dan menyedari bahawa sejumlah besar filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung wayang di dalam negara ini adalah bukan sahaja filem yang diimport di luar negeri bahkan filem yang dibuat di luar negeri. Ini adalah masalah yang ada di dalam perhatian Jawatankuasa dan Jawatankuasa ini telah mengesyorkan cara-cara dalam mana masalah distribution, masalah pengimpotan filem-filem akan dapat diatasi.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah satu daripada tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya mewajibkan tiap-tiap panggung wayang di dalam negara kita menayangkan gambar yang dibuat oleh bumiputra tempatan sekurang-kurangnya satu minggu dalam satu bulan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara masalah masa tayangan ini pun satu daripada masalah kerana ada laporan pada kita bahawa ada setengah-setengah filem pengeluaran tempatan yang ditayangkan di panggung-panggung third class di masa-masa yang agak tidak sesuai dalam mana penonton yang menuntun gambar itu tentulah tidak ramai. Jadi, masalah ini pun ada di dalam kajian jawatankuasa dan jawatankuasa adalah menyediakan cadangan-cadangan dalam mana perkara penayangan filem tertentu buatan tempatan ini ditayangkan di panggung-panggung yang patut ditayangkan dan juga pada masa-masa, waktu-waktu yang patut ditayangkan.

SISTEM PEMBESAR SUARA LAPANGAN TERBANG, SUBANG

5. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Perhubungan menyatakan samada ia sedar bahawa sistem pembesar suara di Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang tidak memuaskan,

terutama sekali bila penumpang-penumpang berada di tingkat atas (coffee lounge) oleh kerana "coffee lounge" itu bukan "sound proof", dan bunyi bisik kapal-terbang selalu sahaja menenggelamkan suara juruhebah yang membuat pengumuman. Oleh itu akibatnya selalu membuatkan penumpang-penumpang ketinggalan kapal-terbang, kerana mereka tidak mendengar pengumuman yang dibuat.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini Kementerian saya belum pernah menerima sebarang aduan dari penumpang-penumpang yang kononnya mereka ditinggalkan oleh kapal-terbang sebab tidak terdengar sesuatu pengumuman penerangan disebabkan bunyi kapal-terbang kerana dengan adanya langkah-langkah kawasan keselamatan yang lebih ketat, sesebuah kapal-terbang tidak akan dibenarkan meninggalkan lapangan terbang. Kecuali setelah terlebih dahulu dipastikan bahawa semua penumpang-penumpang dalam kapal-terbang itu didapati jumlahnya betul, kecuali penumpang-penumpang itu sendiri tidak berada di lapangan terbang pada waktu-waktu yang ditentukan.

Bagaimanapun Kementerian sedar di atas kelemahan-kelemahan sistem pembesar suara di lapangan terbang itu pada masa ini. Pengubahsuaian besar akan dilakukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan rancangan-rancangan ini termasuk juga pemasangan alat-alat penerangan penerbangan dan satu sistem pengumuman yang moden di bangunan terminal.

PUKAT HARIMAU

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar,

- (i) disebabkan Pukat Harimau atau Pukat Tunda yang diluluskan oleh Kerajaan, nelayan-nelayan kita selalu saja bergaduh di laut;
- (ii) semua telor-telur ikan dan anak-anak ikan yang baru menetas habis musnah disebabkan Pukat Harimau atau Pukat Tunda; dan jika sedar, adakah Kerajaan bercadang memberhentikan pengeluaran Lesen Pukat Tunda atau Pukat Harimau memandangkan ikan-ikan di perairan laut kita sudah berkurangan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tetapi kejadian pergaduhan ini lebih kerap berlaku di kawasan perairan Tanjung Piandang dan Kerian sahaja. Sebab-sebab pergaduhan ini berlaku bukanlah semata-mata kerana kegiatan bot-bot pukat tunda yang tanpa lesen dan pukat Apollo yang banyak terdapat di kawasan itu mencerubuh ke dalam kawasan perairan pantai serta menyebabkan kerosakan besar pada sumber-sumber dan alat-alat penangkapan ikan tradisional yang terdapat di kawasan itu.

Saya juga sedar mengenai kerosakan di atas sumber-sumber ikan boleh jadi juga termasuk telur-telur dan anak-anak ikan yang baru menetas disebabkan kegiatan pukat-pukat tunda, tetapi perkara ini hanya boleh berlaku dalam kawasan perairan ikan-ikan membiak terutamanya dalam kawasan perairan tiga batu dari pantai dan kemudahan pukat yang mana terlalu kecil. Oleh itu, Kementerian saya sudahpun mula menjalankan suatu kajian untuk merumuskan satu penyelesaian terhadap masalah ini sehingga kajian itu selesai dijalankan, langkah-langkah untuk mencegah berlakunya pergaduhan dan kerosakan kepada sumber-sumber ikan akan terus dijalankan melalui syarat-syarat pellesenan pukat tunda dan rondaan-rondaan, penguatkuasaan dan juga membekukan pengeluaran lesen-lesen pukat tunda baru kecuali bagi kawasan-kawasan perairan tertentu yang difikirkan menasabah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa pembiakan ikan ini di kawasan yang tertentu. Apa yang saya ingin tahu sejauh manakah kajian yang telah dibuat oleh Kementerian berkenaan mengenai penentuan kawasan pembiakan ikan ini. Adakah terhad di kawasan tiga batu sahaja ataupun tanda-tanda menunjukkan laut lebih daripada tiga batu itupun kawasan pembiakan ikan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah katakan tadi perkara ini sedang dalam kajian, jadi tidak bolehlah saya terangkan dengan segera di Dewan yang mulia ini.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar

bahawa satu daripada sebab maka berlakunya pergaduhan di antara pukat tunda dengan pukat pantai ini kerana pukat tunda menjalankan penangkapannya dalam kawasan lingkungan tiga batu daripada pantai dan ini saya nampak kurangnya kawalan daripada Jabatan Perikanan. Apakah langkah-langkah yang hendak dijalankan untuk mengatasi keadaan ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Sudah dijawab.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan perkara yang saya kemukakan tadi adalah dalam kajian. Kalau tidak silap ingatan saya masa-alah seperti ini telah beberapa kali dijawab oleh pihak Kementerian mengenai dengan kajian itu. Maka boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini kajian ini dijangka bilakah akan dapat diberitahu.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Dengan secepat mungkin.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana saya katakan tadi iaitu mengikut pengalaman perkara yang menjadi masalah di antara pukat tunda dan pukat pantai ialah kerana kurangnya kawalan oleh pihak Jabatan Perikanan ini terhadap pukat tunda yang melanggar peraturan. Soalan tambahan saya apakah tindakan berkesan yang akan dijalankan untuk mengatasi masalah ini. Saya tahu tindakan itu ada, tetapi tidak berkesan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan tadi tindakan akan diambil tetapi saya tidaklah dapat menerangkan perkara ini dengan segera di sini sebab perkara ini masih dalam kajian.

BANK PERTANIAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa kemajuan Bank Pertanian tidak memuaskan dan tidakkah itu disebabkan caruman Kerajaan di dalamnya sangat berkurangan. Apakah perhatian Kerajaan dalam hal ini memandang kepada permintaan petani untuk meminjam wang dari Bank Pertanian makin bertambah. Apakah

usaha selanjutnya bagi memajukannya dengan lebih baik. Apakah pengenaan bunga kepada peminjam dengan kadar ini menyulitkan petani.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak benar caruman Kerajaan kepada Bank Pertanian sebagai modal yang dibayar telah bertambah dari setahun ke setahun. Dari \$10 juta dalam tahun 1969, jumlah itu meningkat kepada \$40 juta di akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memberikan pinjaman kepada Bank sebanyak \$20 juta. Sebanyak \$10 juta dari pinjaman itu adalah untuk sekim kredit pengeluaran padi yang dikenakan faedah oleh Kerajaan sebanyak 4% sahaja setahun. \$10 juta lagi dikenakan faedah oleh Kerajaan sebanyak 7% setahun bagi keperluan Bank memberi pinjaman untuk lain-lain kredit.

Bilangan peminjam-peminjam juga telah bertambah. Dalam tahun 1971 bilangan petani dan pengusaha pertanian yang mendapat faedah pinjaman ialah 18,566 orang. Dalam tahun 1975 angka itu berlipat ganda menjadi 78,962 orang.

Untuk memperbaiki lagi perkhidmatannya, di antara lain Bank akan terus mengkaji keperluan kewangan petani, membuka 4 buah lagi cawangan baru serta memperbaiki unit bergerak, berusaha menarik minat petani-petani mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan kredit tertentu.

Pengenaan faedah oleh Bank tidak menyulitkan petani dan pengusaha. Ini adalah disebabkan sebelum meluluskan sebarang pinjaman, Bank telah terlebih dahulu memperhitungkan dan mengkaji "viability" sesuatu projek serta kemampuan petani-petani membayar balik hutangnya. Dari pengalaman Bank selama kira-kira 7 tahun lepas, adalah didapati pungutan hutang serta faedah tidak menimbulkan masalah.

PENUNTUT-PENUNTUT NEGARA ASEAN DI UNIVERSITI

8. **Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) berapa ramaiakah penuntut-penuntut dari negara-negara ASEAN yang akan diterima masuk ke universiti-universiti kita mulai dari tahun hadapan; dan

(b) adakah penuntut-penuntut Malaysia yang memegang Biasiswa ASEAN di Singapura yang telah mendapat keputusan-keputusan yang baik akan diterima masuk ke universiti-universiti tempatan kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Slang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Perkara ini masih dalam pertimbangan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun setiap permohonan yang diterima dari penuntut negara-negara ASEAN akan dipertimbangkan atas kelayakan (Merit) tiap-tiap permohonan itu.

(b) Mengikut dasar kemasukan ke universiti-universiti tempatan, memandangkan tempat-tempat yang terhad bilangannya, keutamaan adalah diberi pada calon-calon dari warganegara yang mempunyai kelulusan-kelulusan tempatan yang diiktiraf, sebelum calon-calon yang mengemukakan kelayakan-kelayakan lain dipertimbangkan.

PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA

9. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peniaga Bumiputra dan jenis barangan yang telah diberikan untuk mengedarkan barang-barang keluaran tempatan dan luar negeri dengan persetujuan Kementerian dengan pengusaha-pengusaha berkenaan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan September, 1976 bilangan peniaga Bumiputra yang mengedarkan beberapa jenis barangan tertentu adalah seperti berikut:

Barangan	Pengedar	% Pengedar
1. Motosikal	154	19.2%
2. Basikal	22	18.5%
3. Motokar/lori	76	22.8%
4. Simen	30	54.5%
5. Besi	73	45.6%
6. Cat	49	20.08%
7. Susu	67	20.5%
8. Tepong	51	8.5%
9. Gula	186	19%
10. Minuman	43	7.08%
11. Rokok	29	20.56%
12. Minyak Tanah	50	12.1%
13. Barang-barang Letrik	45	3.05%

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah jenis-jenis barang yang diedarkan ini, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa barang-barang utama yang digunakan oleh petani-petani langsung tidak mendapat tempat seperti baja dan alat-alat jentera lain untuk diedarkan oleh bumiputra. Jika Yang Berhormat Menteri itu sedar, apakah tindakan seterusnya yang patut dibuat bagi mengatasi pada masa yang akan datang?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Perkara ini sudah dibawa kepada pengetahuan saya dan saya telah menyatakan kepada pihak-pihak yang berkenaan, jika sekiranya mereka ingin menjadi pengedar jentera-jentera pertanian, Kementerian saya sedia memberi pihak-pihak yang berkenaan yang mengedar/menjual jentera-jentera pertanian umpamanya supaya diberi kemudahan mengedar ini juga kepada kaum bumiputra.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

10. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan rumah-rumah harga rendah yang akan dibina di Johor terutamanya untuk bumiputra, memandangkan bertambahnya rakyat Johor menjadi 1.5 juta dalam masa lima tahun.

Setiasusaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu lebih kurang 8,000 yunit rumah awam kos rendah adalah dirancang untuk dibina di Negeri Johor dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini. Namun demikian, bilangan ini adalah tidak termasuk yunit-yunit rumah dalam lingkungan kos rendah yang akan dibina juga melalui rancangan-rancangan FELCRA, FELDA, KEJORA dan agensi-agensi lain yang berkaitan dengan rancangan-rancangan kemajuan tanah atau rancangan perindustrian dan perniagaan di bandar-bandar dan di luar bandar.

Rumah-rumah ini adalah ditujukan khas kepada rakyat dalam golongan berpendapatan rendah, dari semua keturunan kaum, berasaskan kepada tujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

FELDA—PENEROKA-PENEROKA DI KEMENDORE

11. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa pihak FELDA sepatutnya membayar balik bayaran terlebih yang dilakukan oleh peserta-peserta rancangan tanah Kemendore dan Air Kangkong Melaka setelah peserta-peserta di kedua-dua tanah rancangan ini membayar wang baja lebih daripada sepatutnya dalam tahun 1974/1975, jika benar bilakah pembayaran boleh dibuat kepada peserta-peserta di kedua-dua rancangan tanah ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembayaran wang baja di Rancangan FELDA Kemendore termasuk juga rancangan Air Kangkong sebenarnya peneroka-peneroka masih terhutang kepada FELDA purata sebanyak \$695 seorang. Seperti jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat mengenai rancangan yang sama kelmarin wang ini akan diperolehi kembali melalui bayaran hutang terlebih yang telah dibuat oleh peneroka-peneroka kepada FELDA.

AZAN ASAR

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab mengapa "Azan" menandakan masuk waktu Asar di radio tidak dapat didengar oleh penduduk di Pantai Timur Semenanjung Malaysia khususnya di negeri Kelantan baik melalui siaran daerah mahupun siaran Nasional.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan adalah menyedari perkara ini. Tindakan sudahpun diambil untuk memastikan supaya "Azan Asar" ke kawasan Pantai Timur Semenanjung dapat didengar lebih jelas lagi mulai dari 1hb November, 1976 ini.

MURID-MURID DI INSTITIUT VOKESYENAL

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid-murid yang menamatkan pelajaran mereka di peringkat sekolah rendah menengah dan menengah atas untuk tempoh lima tahun yang lalu,

peratus daripada murid-murid ini yang telah diterima ke dalam institut-institut Vokesyenal dan samada terdapat apa-apa rancangan untuk mengadakan lebih lagi institut-institut Vokesyenal dan perusahaan supaya dapat mengajar murid-murid ini menjadi artisan-artisan yang mahir.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid-murid yang menamatkan pelajaran mereka di peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas untuk tempoh lima tahun yang lalu adalah seperti berikut:

(a) *Peringkat Rendah (Tamat Darjah 6).*

Akhir Tahun	Jumlah murid yang tamat Darjah 6
1971	59,065
1972	50,599
1973	47,581
1974	41,418
1975	39,296

(b) *Peringkat Menengah Rendah (Tamat Tingkatan III).*

Akhir Tahun	Jumlah murid yang tamat Tingkatan III
1971	44,465
1972	51,055
1973	45,245
1974	45,516
1975	55,862

(c) *Peringkat Menengah Atas (Tamat Tingkatan V).*

Akhir Tahun	Jumlah murid yang tamat Tingkatan V
1971	39,102
1972	45,462
1973	50,673
1974	59,012
1975	66,670

Bilangan murid-murid yang telah diterima masuk ke Sekolah-sekolah Vokesyenal adalah seperti berikut:

1972	5,167
1973	6,507
1974	7,440
1975	8,139
1976	8,742

Kementerian Pelajaran ini sememangnya bercadang untuk menambahkan lagi bilangan-bilangan Sekolah Menengah Vokesyenal dari tahun ke setahun. Dengan ini aka membolehkan lebih ramai lagi murid-murid yang berkecenderungan untuk memasuki sekolah-sekolah tersebut. Sehingga tahun 1976 ini terdapat sejumlah 21 buah Sekolah Vokesyenal di seluruh negara dan adalah dijangka bilangan ini akan bertambah kepada 30 di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini. Di samping itu kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah itu sentiasa diperbaiki dan jenis-jenis kursus-kursus yang diajar juga ditambah supaya kemahiran di dalam pelbagai jenis "trade" dapat diberi kepada pelajar-pelajar.

SEKOLAH MENENGAH RENDAH, PEKAN PADANG SERAI

14. **Tuan Lee Boon Peng** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan bagi membina sebuah Sekolah Menengah Rendah di Pekan Padang Serai, Kedah bagi mengatasi masalah bilangan pelajar yang kian bertambah daripada 13 buah sekolah rendah luar bandar di sekitarnya dari tahun ke setahun dan Sekolah Menengah Padang Serai yang ada sekarang sudah tentu tidak dapat memberi kemudahan yang sepatutnya. Jika ya, nyatakan bila akan dilaksanakan dan jika belum, bilakah akan mendapat perhatian dan kajian Kementerian untuk dilaksanakan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan sebuah Sekolah Menengah Rendah di Pekan Padang Serai. Sebaliknya satu bangunan tambahan akan dibina di Sekolah Menengah Padang Serai yang ada sekarang. Dengan siapnya bangunan tambahan ini kelak ianya boleh menampung keperluan pelajaran menengah bagi kawasan Padang Serai dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980).

PENGELUARAN LESEN-LESEN TEKSI

15. **Dr Chen Man Hin** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

(a) samada Timbalannya telah menerima sepucuk surat yang dihantarkan oleh beliau (Y.B. Lim Kit Siang) bertarikh

4hb Oktober, 1976, bil: KP/LKS/4/76
(10) yang berbunyi:

"Y.B. Dr Goh Cheng Teik,
Timbalan Menteri Kerja Raya dan
Kemudahan-kemudahan,
Kementerian Kerja Raya dan
Kemudahan-kemudahan Awam,
Jalan Tun Ismail,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,

Per: Pengeluaran lesen-lesen teksi

Saya menarik perhatian Y.B. kepada perkara yang tersebut di atas serta jawapan dan jaminan yang diberi oleh Y.B. dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu.

Sebagaimana Y.B. mungkin sedia maklum, Pengerusi Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Malaysia Barat telah mempelawa permohonan-permohonan untuk lesen-lesen teksi bagi kawasan Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin (semuanya terletak di Negeri Melaka) melalui kenyataan bertarikh 1hb Jun, 1975.

Dalam kenyataan yang sama, Pengerusi Lembaga tersebut telah menyenaraikan kelayakan dan keutamaan yang akan diberi untuk setiap permohonan dan di antara kelayakan-kelayakan yang disyaratkan itu ialah bahawa setiap pemohon mesti diam di pengkalan dan mempunyai lesen Pemandu serta Lesen Pemandu Kenderaan Perkhidmatan Awam.

Setelah menyiasat dengan menyeluruh, saya dapati bahawa lesen-lesen teksi telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang tidak diam di pengkalan yang dinamakan dan juga lesen-lesen telah dikeluarkan kepada mereka yang sudahpun memiliki lesen teksi.

Umpama, untuk pengkalan Solok Bukit Pulau yang termasuk di dalam kawasan Melaka Tengah, suatu lesen teksi telah diberi kepada Encik Lumi bin Puteh, seorang yang tidak tinggal di kawasan tersebut malahan beliau ini tinggal di Masjid Tanah Tambahan pula, Encik Lumi ini memiliki tiga buah teksi yang lain bernombor

BL 3003, MA 4677, MF 4666 dan sebuah lagi teksi bernombor MF 4677 di dalam nama isterinya.

Dua orang pemohon yang lain iaitu Encik Ahmad bin Hamid dan Encik Abdullah *alias* Kamis bin Ismail yang tinggal di Batu 3½ Bukit Pulau, Bukit Baru, Melaka iaitu di dalam pengkalan tersebut tidak diberi lesen walaupun penduduk-penduduk di kawasan berkenaan telah menandatangani satu memorandum yang menyokong permohonan mereka berdua itu.

Apakah alasan pihak Lembaga Pelesenan mempunyai untuk memper-tahankan pilihan yang dibuat oleh mereka itu yang ternyata tidak adil dan menasabah? Mengapakah suatu keluarga diberi sebanyak lima lesen teksi sedangkan beratus-ratus dreber-dreber teksi yang benar-benar perlukan lesen teksi tidak diberi lesen?

Kes kedua melibatkan syarikat Sumita Sdn. Bhd. dari Jalan Kesang, Jasin. Syarikat ini adalah kepunyaan Haji Ahmad Dahalan bin Haji Salleh, Ahli Dewan Negeri Melaka bagi kawasan Sungai Rambai.

Syarikat Sumita Sdn. Bhd., telah diberi lesen teksi yang dikhaskan untuk pengkalan Bandar Melaka sedangkan Syarikat tersebut ditempatkan di Jasin. Tuan punya syarikat tersebut juga tinggal di Jasin. Apakah alasan pihak Lembaga Pelesenan mempunyai untuk mempertahankan pilihannya itu yang nyata tidak adil.

Saya juga difahamkan beberapa orang pemandu-pemandu teksi yang benar-benar memerlukan teksi telah ditolak permohonan mereka tanpa sebarang alasan.

Kes Encik Goh Ah Neng dari 121c Sin Hoe Garden, Melaka termasuk dalam kategori ini.

Encik Goh telah mohon pada 1hb Oktober, 1973 untuk mendapatkan lesen teksi. Beliau memegang lesen pemandu selama lebih dari 20 tahun dan beliau juga telah bekerja sebagai pemandu teksi ganti (spare taxi driver) selama 11 tahun.

Permohonan Encik Goh itu telah disokong oleh penduduk-penduduk di mana beliau tinggal secara tulis tetapi malangnya permohonan beliau itu ditolak.

Kes yang lain melibatkan Encik Ng Siang Huat dan Encik Tong Ah Seng dari 5718-c Kampung Baru, Klebang Kecil, Melaka. Encik Ng telah menjadi pemandu teksi ganti selama 22 tahun. Permohonan Encik Ng dan Encik Tong itu dibuat pada 10hb September, 1975 dan ditolak pada bulan Disember tahun itu juga tanpa sebarang alasan.

Saya tidak dapat memahami mengapa permohonan mereka yang tersebut di atas ini yang benar-benar memerlukan lesen teksi ditolak dengan begitu sahaja tanpa sebarang alasan.

Saya berharap Yang Berhormat menyiasat perkara ini dengan sedalam-dalarnya dan menentukan bahawa lesen-lesen teksi diberi kepada mereka yang benar-benar memerlukannya. Lagi, jika perlu, lesen-lesen yang diberi kepada mereka yang tidak layak menerimanya patut dilucut dan diberi kepada mereka yang memerlukannya.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

i.t.

LIM KIT SIANG

Ketua Pembangkang Parlimen

- (b) Tindakan sewajar yang telah diambil dalam aduan tertentu itu.

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, ya, surat tersebut telah diterima oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telahpun menjawab surat tersebut pada 12hb November, 1976.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada Kementeriananya akan menjadikan satu dasar untuk menarik balik lesen-lesen teksi daripada orang-orang yang telah mempunyai lesen-lesen itu dan membahagikan lesen kepada mereka yang belum mendapatkannya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada sebab kita hendak menarik lesen yang kita sudah berikan adalah tidak adil untuk kita mengambil balik lesen itu. Tetapi kalau ada sebab kenapa sesuatu lesen itu harus ditarik balik, memang kita akan tarik balik kalau dia melanggar syarat-syarat di waktu kita keluarkan lesen itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang hendak membuat satu penerangan, atau pengumuman. Oleh sebab beliau sedang dalam perjalanan ke Dewan ini, saya tempohkan Dewan selama beberapa minit yang mustahak.

Dewan dtempohkan sebentar.

Persidangan dtempohkan pada pukul 3.24 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.48 petang.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

KENYATAAN PERDANA MENTERI PERJANJIAN PERKONGSIAN PENGE- LUARAN MINYAK DAN GAS ANTARA PETRONAS DENGAN SYARIKAT- SYARIKAT MINYAK

3.48 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussain bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana terlambat disebabkan satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan saya minta izin untuk memberitahu Dewan ini di samping berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam Bahasa Inggeris mengenai perkembangan terakhir dalam rundingan carigali minyak antara PETRONAS dengan Syarikat-syarikat Minyak. Saya faham bahawa bukan sahaja Dewan ini bahkan rakyat Malaysia dan juga orang-orang di luar negeri sekarang ini sedang menunggu-nunggu keputusan oleh kerana tarikh terakhir ialah 15hb November, telahpun berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban mengenai perundingan ini, saya telah menyatakan bahawa beberapa kemajuan telah dicapai tetapi masih ada lagi masaalah-masaalah yang hendak diselesaikan. Saya merasa gembira sekarang ini memberitahu Dewan bahawa persetujuan sepenuhnya

telahpun dicapai mengenai syarat-syarat penting ekonomi dan kewangan berhubung dengan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran minyak dan gas antara PETRONAS dengan Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Company Limited, Pecten Malaysia Company, dan Exxon Production Malaysia Incorporated. PETRONAS dan Syarikat-syarikat Minyak sekarang ini sedang menyiapkan perkara-perkara detail mengenai kontrak Perkongsian Pengeluaran ini. Adalah diharapkan bahawa kontrak-kontrak ini akan dapat ditandatangani pada 30hb November ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan-perbincangan adalah kompleks dan rumit, dan jumlah wang yang terlibat adalah sangat besar, iaitu beribu-ribu juta ringgit, selain daripada kesannya kepada kemajuan dan ekonomi negara.

Saya telah diberi penjelasan oleh Orang Perantaraan iaitu, Raja Tan Sri Mohar, pada tiap-tiap peringkat perundingan, dan saya telah memberi persetujuan di atas segala perakuan yang dikemukakan olehnya. Raja Tan Sri Mohar telah bertungkus-lumus sehingga ke saat terakhir untuk mendapatkan persetujuan pihak-pihak yang berkenaan.

Saya merasa puashati oleh kerana pihak-pihak yang berkenaan telah mencapai persetujuan sebelum tamatnya tarikh terakhir itu. Saya mengucapkan tahniah kepada PETRONAS dan Syarikat-syarikat minyak yang telah melangsungkan perundingan-perundingan dalam suasana persahabatan dan dengan semangat tolak ansur.

Sekarang ini oleh kerana persetujuan telah dicapai mengenai syarat-syarat Perkongsian Pengeluaran, maka kita bolehlah mengharapkan perkembangan yang pesat dalam lapangan sumber minyak dan gas, supaya rakyat dan negara dapat menikmati faedah sepenuhnya. Persetujuan yang penting ini akan meningkatkan lagi suasana baik pelaburan di negara ini.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I have asked for the floor to inform the House of the final development in the oil negotiations between PETRONAS and the Oil Companies. I know that not only the House but the public in Malaysia and in fact people overseas are anxious to know the outcome now that the deadline of 15th November has passed.

Yesterday in my reply to the Honourable Member for Seremban on the oil negotiations, I stated that some progress had been made but

that there were still problems to be resolved. I am now happy to inform the House that full agreement has been reached on the key economic and fiscal terms on the Production Sharing Agreements for oil and gas between PETRONAS and Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Company Limited, Pecten Malaysia Company, and Exxon Production Malaysia Incorporated. PETRONAS and the Oil Companies are now finalising the details of the Production Sharing Contracts. It is hoped that these Contracts can be formally signed on 30th November, 1976.

The negotiations were complex and delicate, and the stakes involved are huge amounting to billions of dollars, apart from their impact on the national economy and development. I was briefed by the Mediator, Raja Tan Sri Mohar, at every stage of the negotiations, and my approval was obtained on the recommendations that he made. He worked to the last half hour of the deadline to obtain agreement of the parties involved.

It is therefore a great satisfaction to me that the parties have reached final agreement by the deadline of 15th November, 1976. I would like to congratulate PETRONAS and the Oil Companies which have conducted their negotiations on a cordial basis and in a spirit of give and take.

Tuan Yang di-Pertua, now that agreement has been reached on the Production Sharing Arrangements, we can look forward to the rapid development of our oil and gas resources with all the benefits that they will bring to the people and to our nation. This important agreement will certainly give a tremendous boost to our favourable investment climate. (*Tepuk*)

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26), 1976

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 89 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk :

- (i) meminda kadar duti impot atas segala jenis minuman keras, tembakau, rokok dan cerut. Duti-duti impot bagi minuman keras dinaikkan 15% dan kadar duti impot atas tembakau, rokok dan cerut pula dinaikkan sebanyak 10%. Kenaikan duti-duti impot ini adalah merupakan langkah-langkah Kerajaan mendapat hasil tambahan.
- (ii) meminda kadar dan struktur duti eksport bagi timah dan minyak kelapa sawit. Bagi timah, harga permulaan dikenakan duti eksport ialah \$400 satu pikul dan tidak lagi pada paras harga \$388.37½ satu pikul seperti yang ada sekarang. Paras harga permulaan duti eksport atas minyak kelapa sawit pula dipinda dari \$350 satu tan kepada \$450 satu tan dan seterusnya struktur duti bahan tersebut juga diubah. Segala pindaan ini merupakan langkah mengurangkan beban cukai pengusaha-pengusaha tersebut terutama sekali di paras-paras harga yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusi-kan Mesyuarat*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 89 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Sercaj (Eksepot Getah) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Sercaj (Eksepot Getah), 1976 yang telah

dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 90 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk meminda harga permulaan dikenakan sercaj atas eksepot getah iaitu dari harga 60.125 sen satu paun kepada 62.5 sen satu paun. Seterusnya struktur sercaj ini dipinda bagi menyesuaikan pindaan harga permulaan tersebut. Pindaan ini merupakan usaha Kerajaan untuk mengurangkan beban cukai ke atas pengeluaran-pengeluaran getah, terutama sekali pekebun-pekebun kecil, di paras harga yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Sercaj (Eksepot Getah) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 90 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Sercaj (Eksepot Timah) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Sercaj (Eksepot Timah) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 91 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah untuk meminda harga permulaan dikenakan sercaj atas eksepot bijih timah dari \$700 satu pikul yang ada sekarang kepada \$850 satu pikul. Terbit dari perubahan ini, keseluruhan struktur sercaj adalah dipinda. Ini adalah bertujuan membantu pelombong-pelombong bijih timah di paras-paras harga yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Sercaj (Eksepot Timah) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 91 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Sercaj (Eksepot Minyak Kelapa Sawit) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Sercaj (Eksepot Minyak Kelapa Sawit) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 92 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah untuk meminda harga permulaan dikenakan sercaj atas eksepot minyak kelapa sawit dari \$500 satu tan seperti yang ada sekarang kepada \$600 satu tan. Dengan perubahan harga permulaan ini, keseluruhan struktur sercaj juga dipinda.

Berasaskan kepada sebab-sebab kenaikan kos pengeluaran dan juga keadaan pasaran yang tidak setabil, pindaan ini merupakan langkah Kerajaan membantu pengusaha-pengusaha minyak kelapa sawit di paras harga yang rendah. Ini juga membolehkan perusahaan minyak kelapa sawit menandingi dengan lebih berkesan minyak makan yang lain di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Sercaj (Eksepot Minyak Kelapa Sawit) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 92 tahun 1976 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 93 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah untuk meminda kadar duti eksais atas 19 jenis barang yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia, antara barang-barang yang terlibat dengan kenaikan kadar ini ialah minuman keras, rokok, tayar kereta dan motosikal, lampu letrik, kereta-kereta motor, peti sejuk, kipas, peti talivisyen, cerek letrik dan dapur letrik. Kenaikan kadar duti eksais atas barang-barang mewah dan separuh mewah seperti yang tersebut adalah merupakan langkah Kerajaan untuk mendapat tambahan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 93 tahun 1976 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SABAH No. 18, 1959**Perintah Duti Eksais (Pindaan)
(No. 2) 1976**

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 94 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan meminda kadar duti eksais yang dikenakan atas 17 jenis barang yang telah dan yang akan dikeluarkan di Sabah. Seperti juga di Semenanjung Malaysia barang-barang yang terlibat adalah barang-barang mewah dan separuh mewah. Senarai barang-barang yang tertakluk kepada kenaikan duti eksais ini adalah sama jenisnya dengan yang di Semenanjung. Tujuan pindaan kadar-kadar ini adalah untuk mendapatkan hasil tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 94 tahun 1976 disahkan.

**ORDINAN EKSAIS SARAWAK
(CAP. 27)****Perintah Duti Eksais (Pindaan)
(No. 2) 1976**

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27),

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 95 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan meminda kadar duti eksais atas 19 jenis barang yang sedang atau akan dikeluarkan di negeri Sarawak. Hanya barang-barang mewah atau separuh mewah adalah tertakluk kepada kenaikan kadar duti ini. Barang-barang yang terlibat adalah sama seperti yang terdapat di Semenanjung. Ini merupakan salah satu langkah untuk mendapat hasil tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 95 tahun 1976 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1977**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (15hb November, 1976)

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *memperkeruskannya*)

JADUAL

Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13, dan B. 14 (Jadual)—

Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya melangsungkan Majlis Jawatankuasa ini, saya ingin menegaskan semula bila Ahli-ahli Yang Berhormat bangun hendak bercakap, saya suka menarik perhatian kepada muka surat iaitu muka surat Belanjawan Persekutuan. Jadi, senang dapat diikuti oleh pihak Menteri-menteri yang berkenaan, terutama juga saya sendiri, kalau tidak payah hendak merojok tiap-tiap ucapan Yang Berhormat.

Sekarang, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas menyambung ucapannya.

4.12 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, menyambung apa yang saya katakan semalam berkaitan dengan Kepala B. 1 berkenaan bekalan yang diuntukkan kepada Parlimen, saya suka mengulang iaitu mahupun di masa yang lepas kita membuat rayuan saya fikir masanya sudah tiba untuk kita mendesak supaya Penyata Rasmi Parlimen yang disemak dan dicetak itu disediakan dengan seberapa segera, kalau boleh dalam tempoh 2-3 hari sebagaimana dilakukan oleh badan-badan undangan macam kita ini. Sekiranya Jabatan Pencetak Kerajaan tidak ada kemampuan, tidak sanggup menjalankan kerja ini, sudah kena pada tempatnya untuk dipertimbangkan supaya kerja ini dilakukan atau dijalankan oleh pihak pencetak swasta sebab sangat penting Penyata Rasmi ini disediakan.

Saya suka juga mengambil peluang ini untuk menegur sedikit-sebanyak berkenaan segala kemudahan yang terdapat dalam Parlimen ini. Saya rasa kalau dibandingkan dengan Parlimen yang terdapat dalam negeri lain macam kita ini ada lagi banyak kemudahan-kemudahan yang barangkali patut diadakan untuk Ahli-ahli Parlimen. Misalnya, adakan Setiausaha (Secretary) untuk membantu, menolong Ahli-ahli Parlimen dalam usaha menyiapkan ucapannya untuk mengadakan research ataupun mengadakan kutipan bahan, menaip, sediakan ucapan-ucapan dan sebagainya. Yang terdapat di sini satu keadaan di mana kadang-kadang kita hendak buat ucapan, hendak cari bahan pun susah, pergi ke perpustakaan buatlah sendiri, bacalah sendiri, carilah sendiri, kita

tidak ada orang menolongnya. Sepatutnya dalam Perpustakaan Parlimen ini diadakan beberapa orang Research Assistants ataupun Research Officers yang boleh membantu semua Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa parti yang mahu bahan, mahu rojokan (refer) kepada perkara-perkara yang telah lepas tentang undang-undang, tentang butir-butir supaya dapat kita membuat satu kesimpulan yang agaknya mendatangkan faedah yang sepenuh-penuhnya kepada negara kita ini.

Di sini kadang-kadang bila kita ada Akta yang meminda Undang-undang kita pergi cari Akta Asal (Principal Act) tidak dapat, saya dapat sekali tetapi itupun dipinjam daripada Jabatan Peguam Negara, Bahagian Penggubal Undang-undang dan boleh baca di situ ataupun bawa keluar tengok sekejap dan mesti dipulangkan semula sebab ini bukan kepunyaan perpustakaan. Mustahil, kalau kita hendak menyemak undang-undang, hendak tengok samada apa yang hendak diubah itu bagaimana berkaitnya dengan undang-undang lama, tetapi dalam perpustakaan kita sendiri naskah (text) Undang-undang Asal (Principal Act) itu tidak ada untuk kita merojok. Ini bukan dinamakan Parlimen, ini bukan namanya demokrasi. Kalau tidak cukup wang inilah masanya untuk kita kemukakan tetapi Parlimen kita ini sepatutnya dilengkapi dengan segala bahan, segala persuratan, segala buku-buku rojokan, khususnya satu himpun segala undang-undang asas atau undang-undang pokok (Principal Act) yang membolehkan barangkali setengah orang tidak pedulikan, cuma cap—pass.

Tetapi setengah-setengah orang hendak tahu juga apa yang kita lakukan ini supaya dapat mereka yang ingin hendak bandingkan, hendak periksa, hendak rojok dapat undang-undang ini untuk menjalankan kerja supaya menunaikan kewajipan kita sebagai Ahli Parlimen yang setiap kali kita mula mesyuarat kita berdoa kepada Tuhan dan berjanji pula waktu kita mengangkat sumpah menjadi Ahli Majlis Dewan yang mulia ini. Kalau tidak dapat menjalankan janji kita dan sumpah kita itu, ini satu kesalahan yang besar, saya fikir.

Oleh sebab saya telah menegur perkara ini, barangkali boleh juga saya melarat sedikit tegur tentang cara-cara kita bermesyuarat di Parlimen. Benar bukan kita sahaja, lain-lain negeri pun beginilah juga, bila seorang bangun bercakap barangkali ada 10-12 orang

dengar dan kebanyakan tidak ikut, tidak dengar. Kalau rajin dia baca dalam Penyata Rasmi, (Hansard) besok kalau dia tidak begitu cermat apa yang telah dicakap dia tidak tahu. Samada cara kita bermesyuarat hari ini mendatangkan faedah sepenuhnya untuk menunaikan kewajipan kita sebagai Wakil-wakil Rakyat untuk mengasaskan pentadbiran dan pemerintahan secara perundangan, secara berparlimen elok pada satu-satu masa kita menyoal diri kita. Saya sendiri banyak menyoal diri saya. Oleh sebab itu, saya sekarang dengan cara umum menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersama-sama menyoal diri samada ataupun tidak sudah sampai masanya kita mengkaji, menimbang semula samada cara kita bermesyuarat, cara kita berjalan, cara kita mengedarkan notis, cara kita menjalankan soal-jawab, cara kita berbahas ini dapat diperbaiki, bukan secara suasana dan secara kehadiran sahaja akan tetapi kepada semua segi, tentang isinya, coraknya, caranya, bentuknya. Ini kena pada tempatnya sebab sebarang fikiran yang akan timbul, yang akan mengubah corak dan susunan kita mungkin memerlukan perbelanjaan yang tidak diuntukkan. Ini yang saya bangkitkan di bawah peruntukan untuk Pentadbiran (Administration) Parlimen, iaitu saya mencadangkan supaya diadakan satu jawatankuasa khas ataupun satu commission

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita sekarang dalam Jawatankuasa, saya berharap Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan saya supaya perbincangan itu dituju dalam peringkat Jawatankuasa, jangan kepada soal dasar sebab peringkat dasar sudah habis.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya berterima kasih. Saya tidak membangkitkan soal lain—pada soal yang ada iaitu supaya diadakan satu pertimbangan dan kajian tentang corak ini dan saya bercadang barangkali kalau diadakan cara parliamentary committees system atau sistem jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen sesuai dengan Kementerian-kementerian. Pada hari ini pun menang dalam Barisan Nasional sudah ada jawatankuasa-jawatankuasa yang berkumpul, sekiranya apa yang saya cadangkan ini difikir, tentu soal perbelanjaan yang timbul, sebab itu saya kata dan usulkan supaya barangkali sudah sampai masanya kalau kita mengadakan jawatankuasa bukan untuk parti akan tetapi Jawatankuasa Parlimen di mana semua Ahli Parlimen dibahagi-bahagikan

kepada jawatankuasa dan dapat jawatankuasa-jawatankuasa ini berunding cara suasana jawatankuasa di mana fikiran dan pendapat itu akan menghasilkan faedah yang sebaik-baiknya. Jadi, saya ingat tidak payah saya ulaskan lagi, setakat saya membayangkan sahaja.

Satu lagi perkara yang saya sendiri barangkali sungguhpun terasa, tetapi saya kemukakan kerana ada orang lain yang melawat ke tempat ini mengeluarkan fikiran dan pendapat yang kadang-kadang kita rasa sakit, pedih kerana orang-orang lain kata. Tetapi bila orang sudah pergi, kita menung, rasanya betul juga apa yang dikatakan tadi. Parlimen ini sebuah bangunan yang amat indah, boleh dikatakan satu bangunan yang boleh kita banggakan. Belanjanya banyak, bermacam-macam ada. Sahabat saya dari Kuala Selangor telah menyebutkan tentang kekurangan itu, ini, bocor dan sebagainya, itu saya tidak mahu bangkitkan lagi. Tetapi yang saya syorkan itu samada bangunan yang begini indah, perlengkapannya yang begitu sedia diguna secukupnya. Ini juga saya ingat barangkali kerana cara kerja kita dalam Parlimen ini, barangkali waktu Parlimen ini direka bentuknya, bermacam akitik, plannya yang membayangkan satu cara kerja, satu suasana, satu keadaan, satu corak di mana segala-gala ini dilengkapi dengan dining room ada, kitchen ada, bukan main besar-besar tempat masak dan sebagainya. Ada bilik-bilik untuk Ahli Parlimen akan tetapi pada pelaksanaan ataupun amalan pada hari ini kita jarang pakai ini, kita jarang pergi makan di atas. Ini semua membazir (wasted). Boleh jadi salahnya akitik dahulu ataupun boleh jadi cara kita kerja seperti Parlimen hari ini memerlukan pertimbangan semula supaya segala bangunan yang ada ini dipakai sepenuhnya dan segala usaha kerja kita, corak dan sistemnya dapat dibaiki supaya dapat kita menunaikan kerja kita dengan lebih sempurna. Itu keritik saya.

Tuan Pengerusi, saya hendak puji juga iaitu saya berpindah kepada Kepala P. 8 di mana dapat saya ada peluang mengucapkan terima kasih dan menuji pihak Kerajaan khasnya Yang Berhormat Menteri semua yang telah membentukkan di bawah Kepala P. 8 ini sebanyak \$40 juta untuk pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan di luar bandar. Saya sebagai wakil daripada kawasan luar bandar sula mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan

terima kasih kerana peruntukan ini kalau dibandingkan dengan tahun lepas telah ditambah lima kali ganda. Inilah yang kita mahu, biarlah perbelanjaan kepada luar bandar itu ditambah-tambah sedikit.

Begitu juga di bawah Pecahan-kepala 9—Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar ditambahkan daripada \$2 juta lebih tahun sudah menjadi \$4 juta. Ini nampaknya lebih kurang dua kali ganda, tetapi saya bersungut juga setakat ini tidak cukup lagi memandangkan kepada keseluruhan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$4,000 juta ini tidak sampai pun 1/10%—saya berterima kasih. Tetapi saya harap lain kali jangan setakat dua kali ganda sahaja, tamabah lebih sedikit lagi bagi lain-lain rancangan pembangunan luar bandar ini sebab kita masih memerlukan tenaga yang ditumpu, usaha yang ditumpu di luar bandar, sebab banyak lagi tempat-tempat di luar bandar yang belum dapat menikmati segala kemudahan dan kesenangan yang dinikmati oleh orang-orang di bandar.

Di bawah Pecahan-kepala 14—Yunit Amalan Nilai Pemakanan ini juga saya ingin sangat menarik perhatian. Bila peruntukan sebanyak \$100,000 tahun sudah ditambah 20 kali ganda menjadi \$2 juta. Ini juga satu perkara yang saya ingat rakyat jelata patut mengambil perhatian bagaimana Kerajaan kita sentiasa mencari jalan-jalan untuk menolong membantu membaiki apa-apa sahaja yang patut diperbaiki dan dari segi nutrition, dari segi amalan nilai pemakanan ini ialah perkara penting, khususnya di luar-luar bandar dan saya harap dengan tambahan ini umat kita di luar bandar khususnya akan dapat menikmati segala tambahan perkhidmatan yang terdapat daripada tambahan wang ini.

4.28 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tempat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. I—Parlimen, Pecahan-kepala 1200 Elaun dan Lain-lain Habuan Wang, muka surat 29, Aktiviti (2) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara, dan Dewan Rakyat dan Pecahan-kepala 2600 Perkhidmatan Percetakan.

Tuan Pengerusi, langkah-langkah yang dijalankan oleh Perkhidmatan Parlimen dalam menyediakan Laporan Penyata Rasmi Dewan

Rakyat dan Dewan Negara adalah mustahak. Dalam pada itu, saya suka menarik perhatian pihak Perkhidmatan Parlimen bahawa pengeluaran tiap-tiap hari Penyata Rasmi Parlimen ini adalah sangat berguna dan berfaedah bukan sahaja kepada Wakil-wakil Rakyat, malah kepada pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Begitu juga percetakan Penyata Rasmi Parlimen adalah begitu lama sehingga memakan masa 6 hingga 8 bulan percetakan Penyata Rasmi Parlimen dapat disiapkan. Jawapan yang selalu diberi ialah, kelambatan dari Pencetak Kerajaan. Saya harap jawapan yang sama tidak akan diberi seperti ini. Perkhidmatan Parlimen hendaklah mencari jalan bagaimana dapat mempercepatkan percetakan Penyata Rasmi Parlimen ini. Kalau sekiranya Pencetak Kerajaan tidak berupaya menyiapkannya dengan kadar yang segera, percetakan seperti ini bolehlah diberi kepada percetakan swasta, seperti mana yang dibuat kepada Anggaran Belanjawan, 1977 oleh percetakan swasta.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. I—Parlimen, Pecahan-kepala 1200 Elaun dan Lain-lain Habuan Wang, di bawah pecahan-kepala yang sama.

Tuan Pengerusi, benarkan saya menyentuh sedikit mengenai dengan elaun ini. Kita telahpun meluluskan Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971. Akta ini ialah satu peraturan yang menentukan kedudukan dan bayaran pencen kepada bekas anggota Parlimen. Akta ini hanya melayakkan kepada Ahli-ahli yang telah genap 9 tahun perkhidmatan mereka sebagai Ahli Parlimen, apakala mereka tidak lagi menjadi Ahli, yang membolehkan mereka menerima pencen.

Saya mengesyorkan bahawa dengan jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, patutlah membuat pindaan kepada Akta tersebut supaya melayakkan semua Ahli yang menjadi Ahli Parlimen pada 31-8-1957, agar diberi pencen walaupun tidak genap 9 tahun perkhidmatan mereka, selepas tarikh itu. Ini berdasarkan bahawa golongan yang ada berkhidmat pada masa Hari kemerdekaan 31-8-1957 adalah golongan yang memperjuangkan kemerdekaan Negara kita. Akta sekarang hanya memberi penghargaan kepada mereka yang berkhidmat selepas hari bersejarah itu. Saya harap Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri dapat menimbangkan pada masa akan datang akan jasa-jasa mereka terhadap negara.

Tuan Pengerusi, Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tahun 1971, DR. 3 Tahun 1976 baharu sahaja dibenarkan di Persidangan ini. Kelambatan menyiapkan Lapuran ini bukanlah disebabkan kekurangan kakitangan. Kalau sekiranya Penyata Rasmi Parlimen ini boleh disiapkan dalam masa satu hari, mengapakah lapuran ini disiapkan berbulan-bulan. Lapuran Penyata Rasmi Parlimen boleh disiapkan dalam masa satu hari ini ialah disebabkan mereka bekerja dari pukul 8.00 pagi hingga malam. Atas tugas ini mereka dibayar elaun. Tetapi pegawai-pegawai Penyata Rasmi Parlimen yang terlibat ialah 18 orang sahaja. Oleh kerana tidak ada satu galakan (incentive) kepada mereka, maka kerja-kerja yang dibuat ialah setakat pukul 4.00 petang. Dengan kerana itu, sekiranya kita berkehendakkan keluaran Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dengan begitu cepat, pegawai-pegawai yang 18 orang ini hendaklah diberi elaun bekerja hingga pukul 7.00 malam. Pertubuhan bolehlah memikirkan perkara ini, kerana ia tidak melibatkan semua kakitangan di Parlimen.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 3—Juru Odit Negara, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Muka surat 33, Mengodit Kira-kira Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri.

Kita semua maklum bahawa Audit Report, 1972 telah dibentangkan baru-baru ini di Parlimen. Sekarang kita akan masuk ke dalam tahun 1977 sedangkan Report yang paling cepat dibentangkan di Parlimen ialah Audit Report, 1972. Ini bermakna bahawa kita kebelakangan 3 tahun lebih. Banyak maklumat-maklumat yang didapati dalam Lapuran Keterangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang membentangkan penyelewengan pegawai-pegawai dalam menjalankan tugasnya. Saya harap Audit Report bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 dapat dipercepatkan dan dibentangkan di Parlimen.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 8—Jabatan Perdana Menteri, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Muka surat yang sama, Penyelarasan Pelaksanaan.

Sukalah saya menarik perhatian tentang Bahagian Penyelarasan. Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Bahagian ini hendaklah sentiasa memerhatikan supaya Jabatan-jabatan di bawah Kementerian-

keme terian yang berkenaan sentiasa mendapat kerjasama di dalam menjalankan dasar-dasar Kerajaan. Kita selalu dapati bahawa kerjasama di antara Jabatan-jabatan tidak begitu berjalan dengan memuaskan. Cara-cara red-tape hendaklah dikurangkan.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 1100—pecahan-kepala yang sama, di bawah Aktiviti (8) Kemajuan Petroleum. Kakitangan yang diuntukkan tidak bertambah. Oleh kerana petroleum menjadi pendapatan hasil negara yang kedua menggantikan bijih timah. Kerajaan hendaklah memerhatikan supaya kakitangan yang mustahak dan pakar, hendaklah ditambah. Kerja ini adalah satu kerja yang rumit dan berkehendakkan penelitian yang khusus. Saya berharap Kerajaan akan memandang berat bukan sahaja untuk menambahkan pendapatan negara, malah mendapatkan pekerja-pekerja yang pakar di dalam soal minyak.

Pecahan-kepala 1100—pecahan-kepala yang sama di bawah Aktiviti (11) Suruhanjaya Gaji Diraja. Kita memuji atas kerja-kerja yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini. Walaupun begitu, Kerajaan hendaklah memandang berat dan serius mengenai pelaksanaan gaji baru. Penglibatan gaji yang besar bukan sahaja melibatkan kewangan negara, malah melibatkan orang-orang yang tak bergaji (unsalaried workers). Ini juga akan melibatkan harga barang-barang naik. Kesahuan Sekerja tidak akan berdiam menunggu setakat itu sahaja. Mereka akan menuntut satu demi satu. Tetapi siapa yang sebenarnya beruntung? Yang beruntung ialah Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi sahaja, manakala CUEPACS yang mewakili Divisyen II, Divisyen III (yang kebanyakannya pegawai rendah) hanya memperolehi sedikit sahaja.

Saya suka mencadangkan bahawa kemudahan-kemudahan asas, seperti COLA, sewa rumah, cuti istimewa (privilege leave) diadakan semula. Kemudahan-kemudahan ini adalah lebih besar ertinya daripada merombak kedudukan tanggungjawab yang melibatkan kedudukan kewangan negara. Kalau perlu, pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi A ini diberi kemudahan kereta Mercedes, seperti yang dilakukan oleh Singapura dan juga Sarawak.

Tuan Pengerusi, suara-suara Wakil Rakyat hendaklah didengar dalam Dewan ini. Mereka mewakili rakyat dari semua golongan. Kegelisahan rakyat (social unrest) mengenai

kenaikan gaji adalah menjadi perbincangan di sana sini. Akta Perhubungan Perusahaan boleh digunakan, sekiranya tuntutan mereka mengancam negara. Kepentingan rakyat dan Kerajaan adalah lebih diutamakan daripada kepentingan segelintir pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Kepala Pembangunan P. 8—Jabatan Perdana Menteri muka surat 57, Pecahan-kepala I—Kajian Rancangan, peruntukan sebanyak \$8 million. Peruntukan ini adalah satu peruntukan yang besar. Saya berharap kajian-kajian hendaklah dibuat di negeri-negeri yang kurang maju, seperti Kelantan, Trengganu, Melaka, Kedah dan Perlis. Pembangunan industri, hendaklah diberi keutamaan. Ia bukan sahaja menguntungkan negara, malah memberi pekerjaan kepada mereka di luar bandar. Ini juga dapat menarik pelancung, bukan sahaja dari luar negeri, malah dari dalam negeri sendiri.

Begitu juga Kepala Pembangunan P. 8, Pecahan-kepala 8—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Jalan adalah mustahak bagi menghubungkan antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Tempat-tempat yang mustahak hendaklah diberi keutamaan. Jalan-jalan di Pantai Timur hendaklah diberi keutamaan dalam membesarkan jalan-jalan ini.

Tuan Pengerusi, Kepala Pembangunan P. 8, Pecahan-kepala 12 muka surat 57—PERNAS. Perbadanan ini adalah satu perbadanan yang besar yang diharap dapat menolong dan membantu usahawan Melayu dalam menjalankan perniagaan. Selalu kedengaran bahawa PERNAS tidak begitu bersungguh-sungguh dalam menjayakan rancangan Kerajaan. Sebaliknya ia lebih menumpukan perhatian kepada rancangan PERNAS sahaja. Barang-barang yang dijual kepada peniaga-peniaga Melayu adalah lebih mahal daripada yang boleh didapati daripada kedai-kedai swasta. Satu cara yang sesuai hendaklah dijalankan oleh PERNAS dan anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri daripada persaingan (competition) antara satu sama lain.

Tuan Pengerusi, Kepala Pembangunan P. 8, Pecahan-kepala 19—Menyediakan Kemudahan-kemudahan bagi Peniaga-peniaga Kecil peruntukan sebanyak \$8 million. Satu penghargaan yang tinggi harus diberikan kerana peruntukan ini berlipat ganda. Dalam membanyakkan orang-orang Melayu berniaga di bandar-bandar, usaha-usaha yang lebih

giat dan bersungguh-sungguh hendaklah dipesatkan supaya penyertaan 30% orang Melayu dalam perniagaan akan tercapai kejayaannya. Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Melayu boleh dibawa berunding untuk mencari kata sepakat dalam menggembelingkan tenaga peniaga-peniaga Melayu di bandar terutama di bandaraya Kuala Lumpur. Hasrat mencerminkan peniaga-peniaga di bandar hendaklah digiatkan. Kita tidak hendak melihat peniaga-peniaga kecil ini menjual Satay dan menjual Songkok sahaja.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 9 Jabatan Perkhidmatan Awam, Pecahan-kepala 1100 Gaji dan Upahan, Aktiviti (1) Pentadbiran. Dalam Lapuran Suffian perkataan "Divisyen" dihapuskan dan digantikan dengan "Kumpulan". Lapuran Ibrahim Ali menggunakan semula mengikut Divisyen. Banyak kekecohan berlaku dalam menentukan tanggagaji. Ada di antara mereka di dalam tanggagaji Divisyen I, dikelaskan, atau digredkan dalam Kumpulan Separa Iktisas. Umpamanya, mereka yang di dalam tanggagaji HEO (Pegawai Kerja Tinggi) dan yang bersamaan dengannya, diturunkan ke Kumpulan Kerja yang bukan dalam Kumpulan Pengurusan (Divisyen I). Apa yang saya hendak bangkitkan ialah tanggagaji permulaan \$250 hingga \$750 bukanlahuduknya dalam Kumpulan Kerja, (Divisyen II), sebaliknya diletakkan dalam Kumpulan Perkeranian. Mereka bukanlah pegawai-pegawai yang diwartakan (Gazetted Officers). Pegawai yang di Wartakan ialah yang bermula dengan tanggagaji permulaan \$400 ke atas. Satu contoh. Pegawai-pegawai Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas dengan tanggagaji permulaan \$400 ke atas adalah layak diterima menjadi ahli Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Melayu Berhad (MOCCIS). Gred ini hendaklah dibetulkan semula.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 14, Perangkaan, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) hingga (9). Perangkaan adalah berguna kepada pengurusan perniagaan, penyelidikan dan juga berguna kepada mereka yang membuat kajian. Oleh kerana perangkaan ini mustahak, saya rasa elok kiranya buku perangkaan kecil dapat disebarikan untuk dijual kepada orang ramai sebagai maklumat-maklumat yang tepat, apabila seseorang itu hendak memulakan perniagaan. Perangkaan yang dikehendaki kadang-kadang memakan masa. Ini merumitkan orang ramai.

Perangkaan mengenai perusahaan perdagangan, pendapatan negara, banciaan pertanian, boleh dijual melalui buku kecil dan hendaklah disebarikan melalui sebaran am (mass media) supaya orang ramai tahu akan perjalanan di Jabatan Perangkaan ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat tujuan ucapan kepada perkara-perkara ini, jangan cari peluang meluaskan masalah. Sekarang ini kita berbincang dalam Jawatankuasa. Tumpukan kepada masalah yang ada dalam perkara ini dan tujuan kepada benda ini sahaja.

Tengku Noor Anisah binti Tengku Ahmad: Ya, Tuan Pengerusi, tadi saya bercakap mengenai Kepala B. 14—Perangkaan, Pecahan-kepala 2600—Perkhidmatan Percetakan, muka surat 83. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat dihidkan sedikit masa berucap, sebaik-baiknya seorang 10 minit. Saya tidak bermaksud hendak menahan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap hingga 6.30 petang ini dan pada esok hari Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Jadi jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menghidkan sedikit masa itu seboleh-bolehnya setakat seorang 10 minit sahaja, saya rasa semua boleh dapat peluang bercakap hari ini sampai pukul 6.30 petang dan selepas masa soal jawab esok Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab. Ahli Yang Berhormat dari Mukah,

4.48 ptg.

Tuan Latip bin Haji Drie (Muksh): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Bahagian B. 8 di muka surat 58, Jabatan Perdana Menteri dan menyentuh Pecahan-kepala 24, 25, 26 dan 27 bagi negeri Sarawak yang mendapat anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1977 berjumlah \$2,500,000. Ini nampaknya kurang \$790,000 daripada anggaran tahun 1976.

Walaupun demikian, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah memberi perhatian besar

kepada rakyat dan negeri Sarawak. Bagi mengkaji segala rancangan pembangunan di luar-luar bandar yang begitu mundur sekarang bagi kepentingan sebilangan besar penduduk di Sarawak yang diam bertaburan di merata empat di tepi pantai dan pendalaman. Ke arah satu ke idupan yang lebih baik dalam bidang ekonomi, kesihatan, perhubungan seperti jalan-jalan, jambatan di kampung serta juga pelajaran anak cucu serta bagi menanam akhlak khususnya di kalangan muda mudi yang berdasarkan kepada prinsip Rukunegara. Oleh itu saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri supaya segala rancangan pembangunan seperti yang saya sebutkan itu serta yang difikirkan boleh memberi faedah dan menolong rakyat di luar-luar bandar Sarawak patut diutamakan serta mendapat tindakan segera dan berkesan untuk jangka masa yang pendek bagi menghapuskan salah fahaman rakyat di luar bandar bahawa mereka tidak terbiar begitu sahaja.

Pihak yang bertanggungjawab janganlah menumpukan segala pembangunan di bandar sahaja. Peruntukan pembangunan rancangan di luar-luar bandar harus diperbesar lagi. Sekarang masanya sudah sampai rakyat yang tidak bernasib baik menunggu pembahagian mereka untuk diterima dengan adil dan saksama. Mengenai lain-lain rancangan pembangunan di luar bandar seperti Pecahan-kepala 25 ini jika dihuraiakan panjang lebar sudah tentu mengambil masa Dewan yang mulia ini panjang. Izinkan saya, Tuan Pengerusi memberi satu atau dua sahaja perkara yang sangat diperlukan.

Pertamanya dari segi makanan yang mencukupi mengikut kadar kemampuan hidup mereka sendiri. Tempat perlindungan mereka iaitu rumah yang sesuai dibuat daripada kayu dan bahan-bahan hutan bukan dari batu atau bata serta alat perabut yang lengkap seperti ruma-ruma di bandar. Saya yakin pihak yang bertanggungjawab boleh menilai dengan sendiri secara lebih teliti dan mendalam lagi bagaimana kehidupan rakyat luar-luar bandar apabila satu banciaan penghidupan dijalankan. Me eka ini juga sama mempunyai hak apabila cukup umur didaf ar mendapat satu undi seorang bagi memilih wakil atau Kerajaan untuk bertanggungjawab sama sepe yang duduk di bandar, atas segala perkara baik secara langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian, peruntukan berjumlah \$800,000 ini jika dibanding kepada bilangan rakyat luar bandar hanya \$1 pada seorang

sahaja di bidang bagi kemudahan-kemudahan yang sangat-sangat diperlukan seperti Balai Raya atau padang-padang permainan dan sebagainya seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Mengenai kemudahan-kemudahan asas bagi peniaga-peniaga kecil sudah semestinya sangat dikehendaki baik di bandar atau di luar bandar. Mengikut peredaran zaman sekarang jika perkara ini ditumpu di bandar yang tertentu sahaja, saya rasa rakyat luar bandar juga berhak untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perniagaan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita, bukan sahaja membuat gerai-gerai dari kayu yang menggunakan peruntukan \$200,000 ini bahkan membuat kedai-kedai atau pasar-pasar yang berharga \$50,000 ke atas pada satu pintu, di mana terdapat ramai rakyat yang ingin untuk mengambil bahagian di bidang perniagaan. Misalnya, di daerah saya, baik dengan cara dibeli atau bayaran beransur ataupun cara yang lebih baik yang difikirkan oleh pihak yang bertanggungjawab supaya wang Kerajaan dapat dibayar balik dalam jangka masa yang tertentu. Saya rasa walaupun ada badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan sekarang membuat rumah-rumah atau kedai-kedai di bandar yang mendapat bantuan pinjaman daripada Kerajaan Pusat, saya bimbang rakyat luar bandar tidak dapat menikmati kemudahan rancangan pembangunan seperti ini. Saya berharap sepatutnya segala rancangan pembangunan luar bandar yang bercorak bagi menghapus kemiskinan dibuat di dalam jangka masa yang singkat, tidak semestinya diletak sepenuhnya di tangan perbadanan atau agensi-agensi Kerajaan sahaja. Lebih baik pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Kementerian yang begitu banyak sekarang di negeri Sarawak diberi tanggungjawab bagi menjalankan segala arahan supaya dapat disegerakan segala rancangan pembangunan bagi faedah rakyat yang benar-benar memerlukannya sesuai dengan action-oriented semoga mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

Saya adalah menyokong sepenuhnya peruntukan yang dikehendaki oleh Jabatan Perdana Menteri tahun 1977. Walaupun peruntukan ini tidak boleh ditambah lagi daripada yang ada sekarang umpamanya \$1 juta yang dicadangkan untuk kajian-kajian kemungkinan di Sarawak adalah tidak mencukupi jika dibanding dengan penduduk di

Sarawak sekarang yang telah melebihi angka 1 juta penduduk, serta kawasan yang begitu luas dan sukar di bidang perhubungan, terutamanya di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan yang terpencil. Oleh yang demikian, kami berharap dan merayu kepada Jabatan Perdana Menteri perkara seperti ini patut ditimbang semula memandangkan keadaan rakyat luar bandar jauh ketinggalan ke belakang jika dibanding dengan rakyat yang duduk di bandar-bandar.

4.56 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertama saya ingin merujuk kepada Kepala B. 4 muka surat 36, Aktiviti (2) di bawah Pecahan-kepala 1100—Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar pemilih.

Tuan Pengerusi, saya telah beberapa kali pada masa yang lepas berucap di dalam Dewan ini bahawa sistem pendaftaran pengundi-pengundi yang dijalankan sekarang oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah sangat tidak memuaskan hati orang ramai. Di bawah perkara ini saya rasa amat kesal bahawa sehingga sekarang Suruhanjaya Pilihanraya belum lagi bersedia menjalankan satu sistem yang lebih berkesan mengenai pendaftaran pengundi-pengundi.

Tuan Pengerusi, sistem sekarang iaitu tempoh selama satu bulan yang dihadkan untuk pendaftaran pengundi-pengundi sebagaimana yang diamalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah tidak memuaskan langsung kepada orang ramai terutamanya pengundi-pengundi yang layak didaftarkan. Ini adalah disebabkan oleh sistem yang ada sekarang ini tidak dapat mendaftar pengundi-pengundi dengan maksimanya. Kami dari pihak Pembangkang dan juga termasuk ahli-ahli Kerajaan pada masa yang lalu telah membangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, kami perhatikan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya memang tidak mahu menerima cadangan-cadangan yang membina yang bertujuan untuk membolehkan pendaftaran pengundi-pengundi dengan maksimanya. Sikap yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu sangat dikesali dan saya sekali lagi menyeru Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengkaji semula sistem pendaftaran pengundi dan menentukan samada sistem yang dijalankan sekarang boleh mendaftarkan pengundi-pengundi dengan maksima dan berkesan.

Pada hemat saya sekiranya Kerajaan mahu menentukan bahawa sistem demokrasi berparlimen atau satu undi bagi seorang pengundi dapat dijalankan dengan jayanya, maka saya harap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tanpa longah-longah lagi meminda sistem mengadakan pendaftaran pengundi selama sebulan supaya menjadi satu sistem pendaftaran sepanjang tahun dengan mengadakan pusat-pusat yang tetap untuk membolehkan pendaftaran maksimum bagi pengundi-pengundi yang layak.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 8, muka surat 49 di bawah Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3)—Penyelarasan Pelaksanaan. Atas perkara ini saya perhatikan bahawa salah satu tujuan bahagian ini ialah memaju serta mengekalkan pada setiap masa sistem pentadbiran Kerajaan yang dinamis dan berkesan di peringkat negeri dan tempatan dan juga membaikkan lagi kebolehan pelaksanaan pembangunan melalui perubahan dalam pentadbiran dan menggalakkan sikap berijmat-cermat dan kecekapan dalam tindakan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada tujuan yang begitu mustahak ini, saya menggesa semua Jabatan-jabatan Kerajaan supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki jentera pentadbiran mereka dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan memuaskan kepada orang ramai. Pada waktu menjalankan tugas saya sebagai seorang Wakil Rakyat, saya masih menerima aduan-aduan daripada orang ramai bahawa mereka masih tidak puashati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh sebilangan Jabatan-jabatan Kerajaan. Mereka mengadu bahawa ada terdapat sebilangan pegawai-pegawai yang tidak cekap. Saya bukan mengatakan di sini bahawa semua pegawai-pegawai Kerajaan adalah tidak cekap dan sopan santun, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa di dalam satu Jabatan Kerajaan yang begitu besar mungkin ada sebilangan kecil pegawai

Tuan Pengerusi: Adakah Ahli Yang Berhormat maksudkan pegawai-pegawai dalam Jabatan Perdana Menteri?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, sekarang saya membahaskan

Tuan Pengerusi: Pegawai-pegawai dalam Jabatan Perdana Menteri sahaja, adakah dimaksudkan begitu?

Tuan Lee Lam Thye: Apa yang saya kata ialah

Tuan Pengerusi: Kalau kepada pegawai-pegawai, sepatutnya yang Berhormat sudah lepas peluang bercakap. Sekarang kita masuk kepada perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi kalau dimaksudkan kepada pegawai-pegawai dalam Jabatan Perdana Menteri, boleh saya benarkan, kerana ini dalam bahagian pegawai. Tetapi kepada Jabatan-jabatan lain tidak ada kena mengena dengan perkara yang kita bahaskan ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, oleh sebab tadi saya kata bahawa mengenai bahagian

Tuan Pengerusi: Ini kita membahaskan berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri, bukan menyeluruh semua Jabatan.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, saya tahu. Tetapi, Pengerusi

Tuan Pengerusi: Sudah tahu baguslah, jangan buat tidak tahu pula. Sila.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti saya kata tadi saya berharap bahawa Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan di dalam Jabatan Perdana Menteri sedar akan masalah yang saya sebutkan tadi dan bergiat untuk mengelakkan kejadian ini berlaku pada masa hadapan kelak.

Perkara yang ketiga yang saya ingin bercakap iaitu mengenai Kepala B. 8, muka surat 50, Aktiviti (12) mengenai Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am. Berkaitan dengan Bahagian ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai Biro Pengaduan Awam. Saya ingin mengingatkan Dewan ini bahawa pada tahun yang lalu saya telah membangkitkan di dalam Dewan ini mengenai peranan yang dapat dipermainkan oleh Biro Pengaduan Awam untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh rakyat. Pada masa itu saya ada kata bahawa Kerajaan patut memberi lebih kuasa kepada Biro Pengaduan Awam dan juga memperluangkannya dengan kakitangan yang cukup supaya Biro itu dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Dalam jawabannya kepada saya Kerajaan mengatakan bahawa satu Badan Petugas tela ditubuhkan untuk mencari cara-cara yang lebih sesuai untuk memperkuatkan

Biro Pengaduan Awam tersebut. Memandangkan kepada jawapan itu saya ingin mendapat tahu daripada Kerajaan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Badan itu, apakah syor-syor yang telah dikemukakan dan apakah syor-syor itu dapat dilaksanakan?

Yang keempat saya ingin merujuk kepada muka surat 49 Aktiviti (7)—Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab ke atas semua aspek-aspek pentadbiran tanah dan galian dalam Wilayah. Ini termasuk mempercepat pemberian tanah Kerajaan di dalam Wilayah, menguruskan dengan cepatnya pengambilan tanah, mengeluarkan Lesen-lesen Tumpangan Sementara dan juga menguatkuasakan Undang-undang seperti yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada tugas-tugas yang penting ini, kami ingin membuat beberapa cadangan kepada Jabatan Tanah Wilayah untuk ditimbang-kan oleh mereka. Cadangan-cadangan ini adalah berkait dengan aspirasi golongan yang tidak bertanah dan sebenar-benarnya memerlukan tanah untuk mencari kehidupan. Memandangkan kepada peranan mustahak yang dimainkan oleh Pentadbiran Tanah Wilayah berkaitan dengan semua aspek-aspek pentadbiran tanah dan penggunaannya, kami ingin mencadangkan kepada Pentadbiran Tanah supaya mengambil langkah-langkah dengan segera untuk membuka sekim-sekim penempatan semula dan membahagikan secara adil kepada semua golongan-golongan yang tidak bertanah dan tidak berumah di dalam Wilayah ini. Keluasan Wilayah ini merupakan 94 batu persegi dan pihak Pentadbiran Tanah patutlah menentukan tanah-tanah kosong yang terdapat digunakan dengan sepatutnya supaya ia benar-benar menguntungkan rakyat terutama sekali mereka yang tidak berada terdiri dari semua kaum.

Apabila saya mencadangkan supaya rancangan-rancangan tanah penempatan semula maksud saya ialah supaya pihak Pentadbiran Tanah membuka tanah dan juga Dewan Bandaraya memperuntukkan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, longkang-longkang, air, letrik dirancangan-rancangan tersebut supaya penghuni-penghuni akan dapat membina rumah-rumah sendiri dengan kayu-kayan yang dibekalkan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya masih teringat Kerajaan telah menyatakan bahawa ia mempunyai rancangan-rancangan untuk membolehkan rakyat miskin memiliki rumah dengan memberikan mereka infrastruktur-infrastruktur yang perlu untuk mendirikan rumah-rumah sendiri. Ini adalah satu peluang yang baik bagi Kerajaan membuktikan niat dan cadangannya untuk membantu golongan miskin memiliki rumah mereka.

Tuan Pengerusi, cadangan yang kedua yang saya ingin bentangkan di dalam Dewan ini ialah pihak Pentadbir Tanah patut mengambil langkah-langkah untuk menjadikan kolam-kolam bekas lombong bijih untuk tujuan-tujuan yang berguna dan berfaedah. Dalam hubungan ini semua kolam-kolam bekas lombong bijih di dalam Wilayah mesti dikambus dan diambil balik untuk tujuan-tujuan perumahan dan perusahaan. Memandangkan kekurangan tanah Kerajaan di dalam Wilayah akan menjadi satu langkah yang bijak bagi Pentadbir Tanah untuk menentukan sejauh mana kolam-kolam bekas lombong yang ada boleh dijadikan untuk tujuan yang berguna dan berfaedah dan jangan membiarkan lombong-lombong itu sia-sia sahaja. Kami berasa yakin apabila bekas lombong-lombong ini dapat dikambus, lombong-lombong itu dapat digunakan untuk mendirikan rumah-rumah dan perusahaan (cottage industry). Pembinaan perusahaan di atas bekas lombong-lombong akan dapat membekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan yang menganggur.

Akhirnya, oleh kerana salah satu tujuan Pentadbir Tanah dan Galian di dalam Wilayah ialah untuk menguatkuasakan peraturan yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negara, kami ingin menggesa pihak Pentadbir Tanah dan Galian untuk mengkaji dengan mendalam peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara berhubung dengan keluaran hakmilik kepada rumah-rumah pangsa supaya rumah-rumah pangsa itu dapat dijual kepada penghuni-penghuni sekarang. Di dalam hubungan ini pihak Pentadbir Tanah dan Galian patutlah mempercepatkan pembentangan Rang Undang-undang di dalam Dewan ini untuk membolehkan rumah-rumah pangsa dijual kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Jabatan Tanah dan Galian Wilayah mestilah memberi perhatian yang

berat kepada hal ini supaya penjualan rumah-rumah pangsa kepada penghuni-penghuni yang layak dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

5.10 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin menyentuh Kepala Pembangunan P. 8, Pecahan-kepala 8, 9 dan 32 sekali dan ketiga-tiga Pecahan-kepala ini adalah berkenaan dengan luar bandar.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberi peruntukan yang begitu besar untuk pembangunan luar bandar. Tetapi apa yang saya ingin sentuh di sini ialah cara melaksanakan, cara menggunakan wang ini supaya dapat memberi faedah kepada masyarakat di luar bandar. Misalnya, apa yang telah berlaku sekarang ialah projek-projek yang dijalan di luar bandar misalnya, jalan-jalan dalam kampung dibuat dengan menggunakan tanah merah. Tiap-tiap tahun beratus-ratus tanah merah digunakan untuk memperbaiki jalan-jalan dalam kampung. Tetapi selepas tanah merah ini dihantar, maka datanglah hujan. Jadi semua tanah-tanah merah ini akan dibawa oleh air dan tahun depan akan dikambus lagi. Pada fikiran saya, ini adalah satu perkara yang boleh dianggap sebagai membazir. Mungkin kerana perkara itu dijalankan, kerana ada peraturan-peraturan yang tertentu, tetapi bagaimanapun, peraturan demi kepentingan orang ramai, peraturan cuma sebagai panduan, kita tidak semestinya menjadi hamba kepada peraturan-peraturan ini. Apa yang saya syorkan supaya di mana yang boleh jalan-jalan kampung ini juga ditaruh dengan tar. Mungkin perbelanjaannya lebih dan tidak semestinya apabila tiap-tiap jalan itu ditaruh jalan ini dijadikan jalan JKR. Tidak semestinya. Kalau ini caranya, patutlah dipinda peraturan-peraturan ini, kerana apa yang berlaku sekarang adalah membazir. Saya tahu kerana kawasan yang saya wakil ialah awasan luar bandar. Tiap-tiap tahun beratus-ratus lori tanah merah ditaruh dan tiap-tiap tahun beratus-ratus lori tanah merah ini juga dibawa oleh hujan dan ini telah menimbulkan masalah yang menyebabkan sungai-sungai dan parit yang kecil telah tertutup. Oleh itu saya minta dan berharap kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji semula perkara ini. Mungkin apabila jalan itu ditaruh belanjanya lebih, tetapi faedahnya lebih besar daripada apa yang dijalankan sekarang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Kepala P. 8 juga, saya ingin menyentuh di atas Pecahan-kepala 11 dan 13. Dan ini ada kaitan dengan agama itu Bangunan Sekretariat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam dan juga Pusat Penyelidikan Agama. Saya harap pusat ini dalam menjalankan tugas menyelidiki perkara-perkara berkaitan dengan agama, akan mengambil berat di atas peranan agama Islam berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Mungkin jalan lain Kerajaan sudah berikhtiar, tetapi bagaimanapun penagih-penagih dadah makin bertambah. Apakah kiranya alau masalah ini diatasi melalui agama Islam, lebih-lebih lagi banyak penagih-penagih dadah terdiri daripada muda-mudi orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Kepala P. 8 juga, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh sedikit Pecahan-kepala 20—Lembaga Perpaduan Negara (LPN). Apa yang berlaku sekarang ialah Lembaga ini bergerak cuma dalam bandar-bandar besar dengan mengadakan majlis-majlis jamuan teh dan sebagainya. Saya harap LPN ini akan menggiatkan kegiatannya di kawasan-kawasan luar bandar, kerana di sana juga kita dapati betapa nipisnya perpaduan di antara kaum. Misalnya, ada kita terdapat di kawasan luar bandar di mana kaum-kaum China memelihara babi. Sungguhpun mereka ini memelihara babi dalam kawasan tanahnya sendiri, tetapi baunya melibatkan masyarakat-masyarakat di sekelilingnya dan ini akan menimbulkan satu keadaan yang tidak sihat dari segi perpaduan negara. Begitu juga kilang-kilang busuk yang didirikan di kawasan-kawasan luar bandar, ini juga telah menimbulkan satu keadaan yang tidak sihat dari segi perpaduan negara—perpaduan di antara kaum. Dan saya harap LPN ini akan mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini sebelum keadaan yang buruk berlaku dan tidak dapat dikawal lagi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala P. 10—Jabatan Kehakiman. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan ini kerana di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri kelmarin telah menyebutkan beberapa buah mahkamah baharu yang akan didirikan, tetapi pada pandangan saya ini tidak cukup. Mendirikan mahkamah sahaja tidak mencukupi, kerana jentera keadilan ialah sebagai kenderaan. Kalau ada motokar baru, tidak ada minyak, kereta itu tidak boleh jalan. Jadi apabila didirikan

mahkamah baru mesti ditambahkan dengan pegawai-pegawainya, Pengadil-pengadil, Yang di-Pertua Mahkamah dan juga Jurubahasa-jurubahasa. Kalau kurang satu di antara tiga ini, mahkamah keadilan tidak dapat dijalankan. Satu perkara yang dibimbangkan, apabila Kerajaan meluaskan bidang kuasa Majisteret-majisteret, Presidents Sessions Court, Kerajaan tidak menambah kakitangan dan pegawai-pegawai ini untuk menjalankan tugas sehingga kalau kita tengok dalam Anggaran Belanjawan ini, mahkamah Session 1975—3,556 kes-kes jenayah telah dibawa ke hadapan pada tahun ini dan akan dibawa pula kepada tahun hadapan 8,913 kes jenayah sahaja tidak termasuk sivil. Jadi bilakah masanya kes-kes ini akan dapat didengar dengan kedudukan pegawai-pegawai kehakiman yang ada sekarang.

Apa yang menggerunkan, Tuan Pengerusi, keadaan Mahkamah-mahkamah Majisteret yang dibawa daripada tahun sudah 85,382 kes jenayah, tidak termasuk kes sivil sebanyak 19,434 kes. Jadi bilakah kes-kes ini dapat didengar, dapat diadili dengan keadaan anggota-anggota Jabatan Kehakiman yang ada sekarang? Saya kata mustahil dan apabila mustahil dalam segi keadilan, keadilan yang ditangguhkan bermakna keadilan yang dinafikan. Inilah satu perkara yang buruk dalam satu masyarakat kita yang berpandukan kepada kedaulatan undang-undang. Dalam senarai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri mahkamah baharu akan didirikan, dukacita saya mengatakan di sini berkaitan Mahkamah Bukit Mertajam sudah banyak kali perkara ini dibangkitkan tetapi nampaknya tercicir lagi sekali. Kalau dibandingkan dengan Mahkamah Jasin yang akan didirikan, Mahkamah Bukit Mertajam lebih buruk lagi.

Saya sendiri tahu kerana saya sendiri biasa berkhidmat di Mahkamah Jasin. Jadi, saya minta perkara ini diambil perhatian yang berat, kerana kedaulatan undang-undang adalah satu prinsip yang diamalkan oleh negara kita. Bukan kata ditambah 20-30%, tetapi 100%-200% pun saya percaya tidak dapat mengatasi masalah ini, kerana kalau kita bandingkan tiap-tiap satu hari satu mahkamah boleh mengadili dua kes, satu tahun berapa. Ini ada 85,000 kes dan tiap-tiap tahun kes ini akan bertambah, jadi macam snowball, makin lama, makin besar, makin lama, makin besar. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bukan

menambah pegawai-pegawai kehakiman ini dan jurubahasa-jurubahasa setakat 20%, 30% tetapi ditambah 200%, 300%. Dengan ini mungkin masalah ini dapat diatasi bukan gerenti dapat tetapi mungkin.

5.22 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 1, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai Parlimen, terutama sekali kemudahan-kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen. Pihak Parlimen patut meminta Ketua Pengarah Pos mengadakan satu pejabat pos di perkarangan Parlimen ini atau sekurang-kurangnya pejabat pos bergerak semasa Parlimen bersidang supaya Ahli-ahli Parlimen dapat menggunakan perkhidmatan pos. Lagi satu perkara ialah penjualan postcard atau souvenirs bagi pelawat-pelawat yang datang ke bangunan ini, dengan cara ini juga Kerajaan akan dapat menambahkan hasilnya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 9, Pecahan-kepala 2300, muka surat 62, Aktiviti (6) Latihan dan Kemajuan Kerjaya. Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentuh perkara-perkara di bawah Kepala B. 9 iaitu berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Bukanlah hajat saya hendak mengeritik sahaja tetapi sebenarnya memberi pandangan yang saya anggap membina. Pada masa-masa sebelum merdeka, pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Federal Establishment Office selalu pergi melawat ke jabatan-jabatan di bawah kelolaannya di negeri-negeri untuk melihat sendiri kemajuan yang tercapai setakat yang berkaitan dengan Kerajaan Federal dan selain daripada itu mengeratkan hubungan antara pegawai-pegawai, tetapi sekarang ini amalan-amalan ini nampaknya kurang dijalankan. Saya masih ingat pada satu ketika sekiranya seorang pegawai tinggi dalam Kerajaan Negeri datang ke Kuala Lumpur, beliau hendaklah pay some sort of a courtesy call kepada ketua-ketua pejabat di Federal Establishment Office ini, tetapi sekarang ini amalan ini nampaknya kurang dijalankan. Saya percaya untuk menambahkan erat hubungan pegawai dan melicinkan pentadbiran di jabatan-jabatan Kerajaan adalah lebih baik amalan yang dijalankan dahulu itu dipulihkan kembali agar dengan demikian dapat pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam itu ingat-mengingati di antara satu sama lain, kerana amalan seperti

ini iaitu nasihat-menasihati di antara seorang dengan seorang yang lain itu memang di-galakkan di dalam Islam.

5.26 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan menyentuh beberapa kepala iaitu yang pertama menyentuh Kepala B. 4, Pecahan-kepala 1100, muka surat 36, Aktiviti (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar pemilih. Di dalam perkara ini saya suka memberitahu iaitu di dalam penyemakan pengundi-pengundi saya bersetuju cara lama iaitu pegawai-pegawai berjalan rumah ke rumah untuk mendaftarkan pengundi-pengundi ini, tetapi baharu-baharu ini kita nampak di kampung-kampung atau di kedai-kedai diletakkan satu kain putih dan di atas itu ditulis Pusat Pendaftar Pengundi. Jadi, kita tahu kalau di ibukota ini orang-orangnya ada berpelajaran tinggi, mereka itu tidak segan pergi ke tempat-tempat yang berkenaan tetapi di kampung-kampung seperti anak-anak gadis di kampung-kampung mereka itu tak pergi ke tempat ini. Pegawai yang bertugas untuk berada di tempat yang saya sebutkan tadi ialah daripada Pejabat Daerah yang mana pegawai-pegawai ini selepas pukul 4.00 baharu duduk di Pusat Pendaftar Pengundi ini. Jadi, berapa jam sahaja mereka itu dapat bekerja untuk mendaftar pengundi-pengundi.

Saya bersetuju kalau Kerajaan dapat buat cara lama iaitu membenarkan pegawai tadi berjalan dari rumah ke rumah dan hendaklah diadakan tempat yang saya sebutkan yang dibuat baharu-baharu ini boleh juga. Saya syorkan lagi bagi pendaftaran pengundi-pengundi ini patutlah kita serahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, kerana pihak-pihak Jawatankuasa ini lebih dekat dengan orang-orang di kampung itu. Kalau di sebelah siang mereka tidak dapat buat pendaftaran, sebelah petang atau sebelah malam bolehlah juga mereka itu pergi ke rumah-rumah yang saya katakan tadi. Dengan sebab kita tahu banyak belia-belia sudah sampai umur boleh mengundi belum dapat mendaftarkan namanya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perkara yang kedua, Kepala P. 8, muka surat 57 Pecahan-kepala (8) dan (9) iaitu untuk pemberian kepada negeri-negeri mengo-

nai bantuan jalan luar bandar dan juga berkenaan dengan rancangan pembangunan luar bandar dan kepada peniaga kecil. Mengenai tiga perkara ini Tuan Pengerusi pun sedia maklum berkenaan dengan jalan luar bandar yang saya maksudkan tadi oleh sebab Ahli Yang Berhormat sendiri pun biasa duduk di Sungai Petani sebagai wakil rakyat di sana. Jadi kedudukan jalan kampung sangatlah dhaif. Kita tahu sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tadi bagi pihak saya tidaklah sangat mahukan jalan itu ditar atau dibuat secara teratur, tetapi sungguh pun begitu kita mestilah sedar bahawa negara kita sudah merdeka hampir dua puluh tahun dan rakyat di kampung-kampung di Kuala Muda melihat jalan-jalan di situ jangankan hendak ditar, jalan tanah merah pun tak begitu baik. berlopak-lopak, masa hujan bagaimanakah petani hendak mengangkat padi mereka dan juga kesusahan murid-murid sekolah. Saya haraplah dengan bantuan kepada negeri-negeri tadi patutlah kita beri lebih awal dan tujukan kepada jalan-jalan.

Kita semua tahu jalan-jalan sangatlah perlu bagi petani dan anak-anak sekolah. Jadi tak payah ditar cuma kita beri batu-batu kecil atau dust-quarry supaya jalan-jalan itu tak begitu lecah bila hujan disapu tertus tanah merah tadi. Mengenai peniaga kecil sungguhpun pihak SEDC membuatkan gerai samada satu-dua tingkat tetapi gerai itu tidak mencukupi dan banyak peniaga kecil tak ada tempat hendak berniaga. Jadi bila mereka letak tak tentu tempat, datanglah pegawai polis atau pegawai penguatkuasa mengambil barang-barang mereka, dinaikikan ke atas lori dibawa ke Majlis Kerajaan Tempatan di sana pula orang-orang itu didenda atau ditelong barang-barangnya. Umpamanya, buah-buahan atau sayur-sayuran. Alangkah keciwanya nasib mereka itu, sudahlah mereka hanya menjadi peniaga kecil, untung pun tak begitu banyak, kena bayar denda pula kepada Majlis Kerajaan Tempatan. Perkara ini merayu supaya Kerajaan ambil berat terhadap orang-orang miskin itu.

Satu perkara lagi suka saya sentuh di sini ialah mengenai B. 8, muka surat 49. Kita sedar keadaan kemerdekaan ta ahair kita ini adalah hasil perjuangan ahli politik dan pada masa ini kita nampak Ketua-ketua Jabatan sahaja diberi gelaran Tan Sri dan sebagainya. Jika kita buat banciaan memang-

lah boleh dipastikan banyak bilangan Tan Sri itu daripada pegawai Kerajaan dibandingkan dengan ahli siasah. Jadi tidakkah patut gelaran seperti itu diberi kepada ahli siasah yang telah berkorban merebut kemerdekaan negara tanpa gaji langsung sedangkan pegawai ketua jabatan tadi dapat upah dan gaji.

Sekianlah sahaja teguran saya dan saya menyokong peruntukan Jabatan Perdana Menteri.

5.33 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan P. 8, Pecahan-kepala 14, muka surat 57, mengenai Yunit Amalan Penilaian Pemakanan. Apa yang saya hendak sebutkan lebih awal mengenai dengan Pecahan-kepala ini iaitu supaya yunit ini dapat menjalankan khidmatnya ke seluruh negara bukan hanya setakat beberapa buah negeri yang difikirkan perlu sahaja dan dengan peruntukan sebanyak \$2 juta memanglah saya percaya tidak mencukupi, jika dibandingkan dengan ramai penduduk khususnya di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya anggap perkara ini penting lebih-lebih lagi apabila kita tinjau bahawa mutu kesihatan penduduk luar bandar adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kesihatan penduduk di dalam bandar dan sebentar tadi Menteri Kesihatan telahpun menerangkan walaupun berbagai rancangan telah dijalankan, sedang dan akan dijalankan oleh Kementeriannya, dengan tujuan meninggikan mutu kesihatan penduduk luar bandar, tetapi daripada statistik terutama menengokkan jumlah kematian samada kematian ibu-ibu yang hendak bersalin, bayi dan kanak-kanak, kita dapati keadaan kesihatan di luar bandar tidak begitu baik jika dibandingkan dengan penduduk di dalam bandar dan mungkin satu daripada sebabnya ialah kerana kurang fahaman penduduk luar bandar mengenai amalan nilai pemakanan.

Apa yang saya hendak cadangkan di sini supaya Yunit ini meluaskan lagi khidmatnya bukan setakat peruntukan yang diberi oleh Kerajaan bahkan patut juga Yunit ini meminta bantuan dan sokongan daripada orang ramai samada daripada hartawan dan jutawan, malah daripada pertubuhan sukarela dan kalau perlu yunit ini merancangkan penubuhan per-

satuan amalan nilai pemakanan di tiap kawasan khususnya di luar bandar kerana ini penting mengenai sikap yang kita kehendaki supaya kesihatan penduduk luar bandar terutamanya kanak-kanak samada di waktu mereka bersekolah semasa bayi, bahkan semasa dalam kandungan perut ibunya lagi patut dijaga. Walaupun Jabatan Kesihatan khususnya di luar bandar ada dilakukannya pemeriksaan dan nasihat mengenai makanan kepada ibu-ibu mengandung dan sebagainya tetapi setakat menerima penerangan atau mengamalkan makanan bernutru semasa diperiksa sahaja dan selepas itu mereka mengikut cara lama juga. Demikian juga waktu anak-anak itu dilahirkan tetapi sekiranya dengan adanya persatuan-persatuan seperti ini dan penyertaan orang ramai terutama mereka yang berada untuk memberikan sumbangan saya percaya akan dapat menolong dan membantu yunit ini dalam melaksanakan tugasnya di luar bandar.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Pecahan-kepala 10—Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Saya akui peranan yang telah dijalankan oleh Lembaga ini. Saya rasa tidak kurang mutunya dibandingkan dengan perkhidmatan Perancang Keluarga di negara-negara lain tetapi dari segi amalan kita dapati di kawasan-kawasan luar bandar sambutan masih kurang lagi. Mungkin ada beberapa perkara yang menyebabkan mereka ini terutama sebahagian daripada golongan bumiputra yang beragama Islam menolak rancangan ini. Saya fikir langkah-langkah patut dijalankan untuk mengatasi keadaan ini. Misalnya dalam Bahagian Yunit Penerangan Lembaga ini kita ambil beberapa orang ahli-ahli ugama bagi menerangkan kedudukan perkara ini, tentang faedah perancang keluarga ini. Setengah-setengah penduduk kampung menganggap perancang keluarga ini bagi menyekat kelahiran anak. Tujuan kita untuk hendakkan supaya anak dan ibu itu sihat dan juga ekonominya seimbang dengan ramai jumlah keluarga.

Saya cadangkan selain daripada apa yang saya katakan itu, perlu kita mencari satu nama lain. Misalnya, Lembaga Keluarga Bahagia atau sebagainya yang boleh mengatasi anggapan setengah-setengah penduduk luar bandar bahawa perancang keluarga ini bertentang dengan konsep Islam menentang kehendak Tuhan hendak memberi kita anak apa lagi setengah-setengahnya menganggap

bahawa digalakkan kita membanyakkan umat Nabi Muhammad (s.a.w.) iaitu membanyakkan anak sedangkan perancang keluarga sebaliknya pula. Saya percaya sekiranya usaha-usaha untuk tujuan ini dapat kita adakan dapatlah semua pihak terutamanya penduduk-penduduk luar bandar mengambil bahagian dalam merancang keluarga ini.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai dengan Kepala P. 8, Pecahan-kepala (8) Jalan-jalan di luar bandar. Saya juga sependapat dengan rakan-rakan saya bahawa jalan adalah satu perkara yang amat penting di kawasan luar bandar terutamanya untuk membawa penghasilan daripada kampung ke bandar, terutamanya bagi hasil-hasil tanaman yang tidak tahan lama yang perlu disegerakan. Kadangkala kerana jalan tidak begitu baik, kos tambang membawa barang itu sangat mahal. Apa yang saya hendak tekankan di sini supaya peruntukan ini dapat disegerakan sebagaimana apa yang telah dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana peruntukan yang disediakan pada tahun akan datang yang berjumlah sebanyak \$40 juta ini adalah amat mengembirakan dan ada setengah-setengah jalan seperti mana jalan di kawasan pilihanraya saya sendiri misalnya daripada Bandar Batu Pahat ke Pontian, jalan itu dibina 30-40 tahun yang lalu. Oleh kerana tanah di sana lembat, jalan itu dibuat daripada simin dengan tidak ada konkrit ataupun asas samada batu blok dan sebagainya. Waktu akhir-akhir ini jalan itu rosak benar. Jabatan yang berkenaan hanya mengatasi dengan cara menaruh tar sahaja dan dalam masa yang tidak berapa lama iaitu satu dua tahun sahaja rosak semula.

Saya harapkan supaya jalan seperti ini hendaklah dibina, dibina dengan secukupnya. Dengan cara ini jalan itu dapat digunakan sepenuhnya atau dapat digunakan dalam masa beberapa lama. Mengenai jalan class C, saya fikir patutlah kita hapuskan, hanya kita buat Class A sahaja, kerana jalan jenis standard C bila telah dibina tidak ada siapa yang memeliharanya (maintenance) samada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, melainkan peruntukan-peruntukan istimewa yang dirayu samada menerusi Wakil-wakil Rakyat atau sebagainya. Kebanyakan jalan-jalan ini tidak cukup kukuh. Dan usaha membaikinya, katalah, tahun ini dibuat hanya 3 batu atau 4 batu, yang lain itu akan dibuat selepas itu. Rakyat sentiasa

mendapat jalan yang tidak baik. Bila diperbaiki jalan yang rosak itu, jalan yang baik akan rosak pula. Jadi selama-lamanya jalan seperti ini tidak dapat dibaiki sebagaimana sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka menyentuh sedikit mengenai dengan Kepala B. 8, Pecahan-kepala 4500—Pencen dan Ganjaran, muka surat 56. Ini saya rasa tidak patut saya sebutkan di sini tetapi berlaku lagi kelambatan pembayaran pencen dan ada setengah-setengah pesara sehingga 2-3 bulan tidak sampai buku pencennya bila telah habis, biasanya ditukar setahun sekali. Bagi mereka yang pencennya rendah dan tanggungannya ramai, adalah menjadi satu kesukasan bagi mereka. Patutlah perkara ini kita perhatikan. Demikian juga ada setengah-setengah pesara kerana kenaikan pencennya dan juga tambahan \$30 kerana inflasi, pencennya bertambah, tetapi entah bagaimana agaknya pihak yang mengelolakan pencen ini telah terberi lebih dan barangkali kesilapan daripada pihak yang menguruskan hal pencen ini, maka terpaksa pula dipotong pencennya misalnya dari \$150 tinggal hanya \$60 sahaja, iaitu pembayarannya berlebihan \$2,000 atau \$3,000 terpaksa dipotong balik dalam masa 5 tahun. Bagi orang yang berpendapatan tinggi, tentulah pemotongan seperti itu tidak menjadi hal. Tetapi bagi pesara-pesara yang tidak ada pendapatan lain, tanggungannya ramai, saya rasa tentulah pemotongan yang saya katakan tadi amat menyusahkan kehidupan mereka. Oleh kerana perkara ini telah berlaku, kita tidak dapat apa-apa lagi, melainkan saya harap pemotongan semula itu hendaklah dilanjutkan masanya, dari 5 tahun kepada 10 tahun ataupun beberapa tahun yang kita fikirkan tidak begitu menyusahkan pesara yang saya katakan itu. Dengan ini tentulah perkara-perkara yang menjadi kesulitan pesara itu dapat kita perbaiki.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan pada hari semalam.

Tuan Pengerusi: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Saya minta Yang Berhormat tolong pendek-pendekkan sedikit ucapan, kerana ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap pada hari ini.

5.49 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, ada tiga perkara yang hendak saya cakapkan. Yang pertama, Kepala B. 1—Parlimen, muka surat 31, Pecahan-kepala 3300—Perabut dan Kelengkapan.

Kita tahu Bangunan Parlimen ini adalah menjadi salah satu tempat tumpuan pelawat-pelawat apabila mereka datang ke Kuala Lumpur. Pelawat-pelawat yang datang ini terdiri daripada kanak-kanak/murid-murid sekolah yang berkehendakkan penerangan-penerangan yang cukup.

Dalam hubungan ini, saya dapati ada perkara-perkara yang perlu kita tambah sebagai contoh di hadapan Dewan ini—sebelah luar ada gambar-gambar bekas Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi gambarnya sahaja ada, tidak ada nama keterangan dari mula berkhidmat hingga akhir. Saya fikir ini patut diadakan nama, tarikh berkhidmat dari tahun hingga kepada tahun berapa. Ini patut sangat supaya pelajar-pelajar dan pelawat-pelawat itu dapat mengetahui gambar siapa ini dan bila Baginda ini berkhidmat.

Selain daripada gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah diletakkan di situ, saya fikir gambar-gambar bekas Perdana Menteri kita, patut sangat diletakkan dalam Dewan kita ini, iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, tidak ada gambarnya di luar ini, begitu juga Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, patut sangat gambar-gambar mereka ini kita letakkan di dalam Dewan sebagai menghormati, mengingati jasa-jasa dan khidmat mereka kepada negara ini.

Perkara yang kedua, ialah mengenai Kepala B. 7, muka surat 44, Pecahan-kepala 1100 mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Aktiviti (4)—Naik Pangkat dan Tata-tertib. Saya suka menyentuh tentang perlantikan guru-guru besar di sekolah-sekolah. Ada berlaku sejak akhir-akhir ini banyak sekolah-sekolah yang guru besarnya berhenti sehingga enam tujuh bulan tidak diganti, sebab kuasa melantik guru besar ini ada kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang berpusat di Kuala Lumpur. Dahulunya perlantikan atau naik pangkat menjadi guru besar ini cuma diberi kuasa kepada negeri-

negeri, tetapi pada hari ini kuasa itu sudah dipindahkan ke Kuala Lumpur. Ini menyebabkan berbagai-bagai kesulitan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah rendah sehingga tujuh lapan bulan tidak mempunyai seorang guru besar yang rasmi. Ini menyebabkan terjejasnya pentadbiran sekolah itu. Guru yang menjadi pemangku itu tidak mempunyai kuasa yang luas untuk mentadbir sekolahnya. Dalam hubungan ini, saya berharap sangat supaya Jabatan yang berkenaan menyejajarkan perlantikan guru-guru besar yang baru apabila berlaku kekosongan.

Begitu juga tentang gred-gred sekolah. Hari ini sudah banyak sekolah-sekolah yang murid-muridnya sudah meningkat dari 200 jadi 400 dan begitulah seterusnya tetapi gred sekolah itu masih di tingkat lama. Sekolah yang sepatutnya mendapat kerani belum mendapat kerani sehingga satu dua tahun. Ini juga menjejaskan perkhidmatan pelajaran kita. Saya harap Jabatan yang berkenaan akan menyejajarkan perkara-perkara yang saya telah katakan tadi.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka menyentuh Kepala B. 8, Jabatan Perdana Menteri, muka surat 56, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (13) Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menjamin perlindungan, pengawalan dan kebajikan orang-orang yang menunaikan fardu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan. Setakat ini kita dapati Lembaga Urusan dan Tabung Haji sudah berjaya menarik lebih kurang suku juta orang atau 250,000 orang menjadi ahlinya dan wang-wang yang telah terkumpul lebih kurang \$200 juta. Ini adalah menggalakkan dan membuktikan bahawa orang-orang Islam di negara ini sudah menaruh keyakinan yang penuh kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Tetapi apa yang saya rasa sangat-sangat mendukacitakan dalam sidang Dewan yang bermula pada bulan Oktober ini, perkara mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini diheboh-hebolikan, dibangkit-bangkitkan dikatakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini mendapat bantuan kewangan daripada negara komunis Russia dan sebagainya oleh pihak Pembangkang. Ada sahaja kesempatan pihak Pembangkang terutama Ketua Pembangkang menggunakan Dewan ini untuk

menyatakan perkara-perkara yang buruk seolah-olah dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji berlaku penyelewengan.

Kepada rakyat, mereka tidak tahu yang mana satu Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan yang mana satu Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd. dan tidak tahu membezakan Syarikat Kapal Haji dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Apabila perkara ini dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, seolah-olah perkara ini melibatkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Ini sudah menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Lembaga Urusan dan Tabung Haji terutama orang-orang kampung apabila disentuh mengatakan bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini ada sangkut-paut dengan kominis, mereka sangat bimbang. Tuan Pengerusi. Saya harap supaya perkara ini teru ma Ketua Pembangkang dalam Dewan ini jangan lagi melibatkan perkara ini, jangan lagi cakapkan perkara ini, kalau beliau ada apa-apa kepentingan atau ada perselisihan faham antara beliau dengan dua tiga orang Ahli Dewan Rakyat, bawa perkara itu dan minta pihak Dewan selesaikan di luar Dewan dan perkara ini sudahpun pihak Yang di-Pertua sendiri berjanji mengambil tindakan. Saya harap janganlah perkara ini dibangkitkan lagi supaya menimbulkan lagi salah faham orang ramai terutama ahli-ahli penyimpan Tabung Haji ini terhadap Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan saya harap Pembangkang jangan euba campur tangan mengenai Hal Ehwal Ugama Islam, sebab ini ialah perkara sensitive dan boleh membangkitkan perkara-perkara yang buruk terhadap pertubuhan antara kaum dalam negara ini. Perkara ini sekali lagi saya katakan perkara sensitive dan saya harap perkara ini akan dihentikan dalam Dewan ini sahaja seberapa segera yang dapat dan kepada yunit penerangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, saya mengharapkan supaya yunit ini akan pergi ke kampung-kampung, akan pergi ke negeri-negeri menyatakan apa yang sebenarnya berlaku kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan apa perbezaan L.U.T.H. (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) ini dengan Syarikat Kapal Haji. Tidak ada sangkut-paut, tidak ada kena-mengena syarikat ini dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan apabila dikaitkan dengan perkataan kominis, sumbangan daripada kominis, ini sangat memburukkan nama Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Saya fikir itulah sahaja yang hendak saya cakapkan, sekali lagi saya harap perkara mengenai Tabung Haji ini akan dihentikan seberapa segera yang dapat.

5.58 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala B. 1—Parlimen. Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi memandangkan bahawa Bangunan Parlimen ini adalah satu bangunan yang mentadbirkan segala urusan untuk negara, dengan sebab itu boleh dikatakan pelawat dari luar negeri dan dalam negeri termasuk luar bandar melawat ke Kuala Lumpur, satu tempat yang diminati sangat. Saya dapati sekolah-sekolah seperti Sekolah Derma Kangar dalam halnya ada ditulis dan dicatitkan ketua-ketua ataupun guru-guru besar sekolahnya maka bagi kita sebagai sebuah negara sepertimana yang dikatakan tadi bahawa Ketua Negara patut sangat dicatitkan dan ditulis daripada mula Baginda berkhidmat sampai bila Baginda berhenti. Tetapi malangnya dalam Parlimen kita ini, saya tengok gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang ini belum ada lagi.

Begitu juga gambar Perdana Menteri sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, dan saya berpendapat patut sangat diadakan. Seperti yang diketahui, kita sudah ada tiga Perdana Menteri daripada awal sampai kepada Allahyarham Tun Abdul Razak termasuk juga Perdana Menteri kita sekarang ini, patut dicatit tarikhnya. Kita patut bubuh nama mereka di pintu dopan sekali, juga termasuk Ketua Dewan daripada awal, iaitu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara daripada mula tarikh ia berkhidmat dan mnda ia berhenti. Ini patut sangat, kerana Dewan ini satu tempat yang selalu dikunjungi sebagaimana saya katakan tadi kalau sesiapa datang ke Kuala Lumpur, kalau tidak melawat Parlimen, maka ia akan merasa tidak begitu puas hati seolah-olahnya lawatannya tidak begitu memuaskan. Ini satu perkara yang amat patut diutamakan.

Tuan Pengerusi, B. 3 berkenaan dengan Juru Odit Negara, muka surat 33, saya berpendapat pegawai-pegawai Juru Odit Negara ini patutlah memeriksa semu jabatan baik-pun Negeri dan Persekutuan termasuk

Jabatan Pelajaran. Saya dapati hari ini masih ada setengah-setengah pegawai odit yang terdiri daripada bukan pegawai kerajaan, sebab itu kadang-kadang oditnya, saya tak mahulah menuduh, boleh jadi kerana dia tak bertanggungjawab kerana dia bukan seorang pegawai, dia odit dengan lambat dan kadang-kadang kalau salahpun tidak ada satu benda yang terikat dengan dia. Kadang-kadang pegawai dari swasta apabila dia agak dia salah sedikit dia boleh lari keluar dengan tidak terikat. Dengan sebab itu, saya berpendapat pegawai-pegawai odit ini hendaklah diambil semuanya daripada pegawai Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, B. 4 berkenaan dengan Pendaftaran Tahunan Pemilihan dan Penye-makan Daftar-daftar pemilihan. Saya juga amat bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh wakil dari Sungai Petani tadi, kerana kalau kita semata-mata memaparkan, menulis di pekan-pekan dengan ditulis di atas kertas putih ataupun kain putih kebanyakan pengundi-pengundi yang terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar tidak begitu faham dan jarang pula ke pekan-pekan ataupun ke bandar-bandar. Kita tahu keputusan pilihanraya memilih Wakil Rakyat adalah perkara yang amat mustahak, kerana kitalah Wakil Rakyat baik buruk sekalipun inilah orang-orang yang mesti dipilih, di antaranya, menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, membentuk Kerajaan dan membuat segala undang-undang. Jadi, wajib sangat rakyat bertanggungjawab bila sampai hari mengundi terpaksa mengundi. Saya dapati hari mengundi rakyat sangat-sangat ingin mengundi tetapi alangkah hampanya, Tuan Pengerusi, bila sampai ke tempat pendaftaran orang yang patut dapat mengundi, dia masih hidup umur masih 21 tahun ketinggalan dalam pendaftaran. Apa yang menghairankan pula yang mati tiga tahun masih ada namanya di situ. Mengapakah tidak, pendaftaran dibuat di bandar, penduduk dalam kampung, ada setengah pegawai jalan ke kampung, tetapi tengok anjing belum menyalak lagi dia sudah lari. Kali yang kedua dia tak pergi. Masa mengundi ditetapkan selama 30 hari, selepas 30 hari mengundipun tak sempat. Saya tahu pengundi-pengundi ingin sangat mengundi, dia terasa lebih daripada \$100 hampa bila dia pergi mengundi tak dapat mengundi, tapi apakah daya, macam saya katakan tadi dia ingin mengundi apatah lagi penduduk kampung. Dengan

sebab itu, saya berpendapat cara mendaftar pengundi ini patut kita ubah, sebagaimana kata wakil dari Sungai Petani tadi saya sangat sokong dan masanya pun patut dilanjutkan dan pegawai-pegawai yang diambil daripada pegawai-pegawai yang tetap kerana ini perkara yang penting. Ini perkara yang membuat dasar negara daripada kecil sehingga ke besar. Pada pendapat saya kita tak payah ikut Singapura yang mewajibkan mengundi, tetapi kita patutlah mewajibkan mendaftar. Tiap-tiap seorang wajib mendaftar dan pegawai-pegawainya patutlah ditetapkan dan tidak diambil sambilan. Kalau boleh walaupun kita beri gaji yang murah, misalnya, ketua-ketua kampung atau ketua kawasan kita beri gaji yang berpatutan. Walaupun murah saya percaya mereka ini bertanggungjawab dan tahu jaga rumah dan tahu siapa yang cukup umur dan belum cukup umur.

Tuan Pengerusi, B. 5 berkenaan Pecahan-kepala 1100 muka surat 40, Aktiviti (2) Pengambilan. Saya dapati pentadbir-pentadbir atau pegawai-pegawai kita masih belum cukup. Banyak pejabat-pejabat yang pegawai berhenti kerja atau pencen sedangkan pegawai barunya belum ada. Kita hendak lancarkan Rancangan Malaysia Ketiga, segala rancangan tak boleh berjalan dengan baik kalau cara pengurusannya tidak teratur dan tidak baik. Bagaimana hendak berjalan pengurusannya dengan teratur kalau pegawainya tak cukup. Jadi, biarlah kita keluarkan wang berjuta-juta ringgit asalkan pegawai-pegawainya cukup bagi tiap-tiap pejabat, apatah lagi dalam Jabatan Perdana Menteri. Saya berpendapat pegawai yang patut dinaikkan pangkat kita patut naikkan segera kerana ada pegawai-pegawai yang patut dinaikkan pangkat tetapi mereka tidak dinaikkan, ada perasaan frust atau sakit hati, dia tidak begitu bekerja dengan memuaskan. Dengan sebab itu saya mengesyorkan dan mencadangkan patutlah Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil pegawai-pegawai yang didapati belum cukup untuk mencukupinya.

Tuan Pengerusi, B. 6, muka surat 43, Pecahan-kepala 2110, Pentadbiran Am. Saya ucapkan tahniah kepada Datuk Ishak Tadin, Pengurus Besar Keretapi. Kita semua tahu Keretapi Tanah Melayu tak pernah untung, tetapi sejak beliau itu menjadi Pengurus Besar Keretapi sudah untung. Saya mendapat tahu ada pejabat atau Kementerian lain yang memerlukan tenaga Datuk Ishak dan beliau akan bertukar. Saya harap siapa sahaja akan

menggantikan tempat beliau akan menjalankan tugas dengan lebih baik muga-muga sejarah Keretapi rugi ini tidak berulang lagi. Satu lagi perkara yang saya tidak bersetuju dengan Keretapi ini tentang nama keretapi penumpang. Kadang-kadang seolah-olah kita naik keretapi ini penumpang, tak ada limit jual tiket, atas beg pun ada penumpang duduk, atau kertas, pendek kata duduk sehingga tidak ada had. Saya berpendapat pihak Keretapi patutlah setiap satu gerabak itu dibuat satu sekatan, jangan ikut suka hendak beli tiket sahaja sehingga tidak ada tempat duduk. Jadi menasabah sangatlah seolah-oleh keretapi itu keretapi penumpang pada hal dia bayar sewa, bukan tumpang free. Dengan sebab itu, pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, patutlah nama penumpang itu diubah kepada Keretapi sewa dan diubah cara jual tiket seperti saya katakan tadi. Kalau masa sekolah cuti banyakkkan sedikit tiket itu dijual dan diatur dengan baik. Apa yang saya hairan dua keretapi daripada Kuala Lumpur bertolak pada pukul 8.00 malam dan pukul 9.30 malam. Bila sampai ke Bukit Mertajam ada 3 gerabak kecil, kadang-kadang dua gerabak yang pendek untuk penumpang naik daripada Bukit Mertajam ke utara sampailah ke Perlis. Ini seolah-olah penumpang-penumpang sana boleh duduk engkau tindih aku, aku tindih engkau. Patutlah dikaji perkara itu terutama di masa sekolah cuti atau hari kebesaran.

Tuan Pengerusi, berkenaan B. 7 muka surat 44, Pecahan-kepala.....

Tuan Pengerusi: Nampaknya yang Berhormat menyentuh semua Kepala B. 1 hingga B. 14.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya kata nampaknya Yang Berhormat ambil satu-persatu Kepala B. 1 hingga sampai B. 14 kah?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak, Tuan Pengerusi. Ada yang saya langkah. Ini saya cakap macam keretapi deras, Tuan Pengerusi, seberapa rengkas yang boleh. B. 7, muka surat 44 Pecahan-kepala 1300 Tambahan Kos Kakitangan. Kepada Suruhanjaya Pelajaran saya mengucapkan terima kasih sebab kebanyakan kerani-kerani sememntar telah dijadikan kerani tetap, tetapi malangnya masa yang lepas ada 2 kerani dalam satu sekolah, bila satu kerani ditetapkan kepada satu sekolah, sekolah satu lagi

tak dapat kerani. Jadi sekolah ini kecil ataupun besar perintah daripada Pejabat Pelajaran sama, dia tak kira murid 300 orang tak kira murid 600, guru besar kena kerja sama. Malangnya kerana satu kerani diserapkan menjadi tetap maka ada sekolah tidak dapat kerani. Oleh sebab itu, saya harap Suruhanjaya Pelajaran mengadakan kerani seberapa secepat yang boleh.

Yang kedua, kalau ada satu-satu peruntukan bangunan sekolah adakan dengan lengkap segala-galanya. Saya harap pihak Suruhanjaya Pelajaran mengkaji perkara ini. Kita hendak cantik dan indah, sekolah besar bangunannya luas, tukang kebun tak cukup, kadang-kadang tak ada langsung, kalau adapun tak begitu mencukupi. Jadi saya berharap perkara ini akan dikaji oleh Kementerian yang berkenaan.

Ini hendak habis, Tuan Pengerusi, secara rengkas sahaja saya becakap ini.

Tuan Pengerusi: Eloklah.

Tuan Shaari bin Jusoh: B. 8 muka surat 49 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (5) Pentadbiran Ugama Islam. Tuan Pengerusi berkenaan dengan Ugama Islam ini saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: "B" berapa Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: B. 8, Tuan Pengerusi. Aktiviti pentadbiran Ugama Islam perkara 5. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah membuat berbagai-bagai acara untuk mengembangkan ugama Islam termasuk pertandingan membaca Quran. Saya sangat tak bersetuju, Tuan Pengerusi, pukul gendang pada hari baca Quran. Saya fikir kita alihlah cara lain. Ini pendapat saya. Misalnya, kita mengadakan syarahan, kita panggil Dr Hamka, atau professor yang berkenaan dengan Islam walaupun orang Arab sendiri, kita mengadakan tafsiran dan terjemahan. Ini saya fikir ada lebih baik lagi. Ada setengah-setengah orang berkata pertandingan Quran pun memukul gendang macam kita hendak buat hari kenduri kahwin. Saya berpendapat perkara ini patutlah kita ubah-sesuaikan sedikit. Saya ucapkan tahniah kerana dalam jabatan ini telah mengadakan berbagai-bagai terjemahan, tetapi nampaknya dua jilid terjemahan Quran telah siap, tetapi yang ketiga telah berhenti. Mengapa halnya yang demikian saya pun tak tahu. Saya harap kementerian yang berkenaan patutlah diterjemahkan lagi kerana ini mendapat sambutan.

Begitu juga, terjemahan-terjemahan berkenaan agama dan siaran-siaran agama patut diluaskan lagi kalau boleh sampai-sampai ke hotel sebab dari perkembangan agama ini berlawanan dengan agama-agama lain. Misalnya, agama Christian mereka ini sanggup menterjemahkan fahaman mereka dan disiarkan ke merata-rata tempat. Oleh kerana agama Islam ini agama yang kita akui agama rasmi biarlah kita bersungguh-sungguh. Begitu juga tentang segi dakwahnya saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Jabatan yang berkenaan, tetapi dakwah Islam ini, sebagaimana yang kita tahu Islam agak saya cara bodoh yang tidak begitu pandai sangat, tetapi saya percaya agama Islam membawa kebahagiaan kepada pemeluknya baik di dunia ataupun akhirat, agama Islam adalah satu agama kebersihan, agama kesihatan, agama kebaikan bukan agama kunu. Tetapi yang saya berasa dukacita, Tuan Pengerusi, ada setengah mendakwahkan agama Islam cara kunu lagi seolah-olah dijadikan dunia ini untuk bukan Islam. Ini ajaran masa lepas kita tidak mahu pakai lagi tetapi masih ada lagi setengah yang membawa pecah-belah. Ada di sini satu golongan syurga, ada satu golongan sehingga yang kita yang sembahyang ini-pun menuduh kita bukan orang Islam. Saya berharap kepada Jabatan berkenaan dengan agama Islam mengambil berat, kerana masa sekarang masih berlaku. Kita ucap terima kasih kepada orang-orang muda-muda yang begitu aktif hendak kepada agama Islam, sembahyang tidak berhenti, beri Assalamualaikum tiap-tiap tempat, tetapi biarlah sekadar patut, jangan semua diteriak haram, aku sahaja yang halal, aku sahaja hendak masuk Surga. Nabi kitapun tidak tuduh kita begitu. Perkara ini sedang berlaku. Ini boleh membawa pecah-belah kepada satu golongan dengan satu golongan. Saya berharap kepada Kementerian atau Menteri yang bertanggungjawab dengan perkara ini untuk mengatasinya.

Yang akhirnya. Tuan Pengerusi, perkara Islam ini tentang cap-cap surat. Saya bila tengok buku atau keterangan-keterangan bahasa Inggeris, bahasa Melayu kita buka tengok, kita cium kulit itu berasa wangi bau kertas itu, tetapi bila saya tengok kepada juzuk Amma yang diagung-agungkan itu, Tuan Pengerusi, cantik ataupun elok lagi kertas yang kita buat pengelao di kantin itu, cantik lagi kertas itu daripada kertas juzuk Amma. Kalau boleh buatlah satu syarat, betullah bab Quran atau bab agama bukan

pandangan kepada kertas, kerana dahulu saya dengan satu cerita dia fikir anak dia baik bubuh nama Mustafa Kamil, walhal duduk menjaga kambing juga, dia ambil nisbah Mustafa Kamil ini orang Arab. Ini bagus, dia pun bubuh Mustafa Kamil. Biarlah menasabah sedikit, jangan kertas yang dibuat cap di juzuk Amma itu teruk sangat. Selekeh sangat, saya berharaplah buat satu syarat berkenaan dengan agama ini. Ini agaknya, dekat yang akhir, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dekatkah atau yang akhir sekali?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ada dua lagi secara ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap dekat 15 minit sudah, tadi Tuan Pengerusi pesan meminta jangan lebih daripada 10 minit, sebab Ahli-ahli yang lain hendak bercakap.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, jadi memandang kepada.

Tuan Pengerusi: Memadailah setakat itu sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tinggalkan setakat itu untuk memberi peluang kepada kawan-kawan lain. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih banyak kerana memberi peluang itu.

6.13 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam perbahasan dalam perkara B. 8. Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (5) Pentadbiran Agama Islam, muka surat 49. Tuan Pengerusi, dalam ucapan dasar baru-baru ini rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap banyak memberi penerangan dan fikiran mengenai gerakan agama Islam. Dan pihak Kerajaan telahpun menjawab dan memberi penjelasan mengenai dan kami bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat berasa puas hati yang mana mendapat suatu gambaran yang benar-benar menarik bagi kemajuan dan perkembangan agama Islam di tanahair kita ini. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat lebih-lebih lagi kepada pihak Kerajaan yang menunjukkan minat dan azam yang sungguh-sungguh kuat dalam perkara

ini. Ini ternyata sebagaimana yang dicatitkan dalam buku Anggaran Belanjawan 1977 muka surat 86 yang berbunyi:

"Objektif-objektif Bahagian Pentadbiran Ugama Islam ialah untuk:

- (i) Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam dinamis dan progresif yang berdasarkan hidup mencari keredhaan Allah s.w.t.
- (ii) Memupuk dan mengujudkan perpaduan umat Islam di Negara ini.
- (iii) Menjadika Islam sebagai panduan dalam usaha-usaha dan cita-cita Kerajaan khususnya penglibatan orang-orang Islam.

Membaca 3 objektif ini bagi saya sudahlah cukup menggambarkan bagaimana bersehs dan murninya hasrat dan cita-cita Kerajaan dalam hendak mempraktikkan dan melaksanakan Islam pemerintahan dan pentadbiran negara ini dan ini disambut oleh rakyat dengan penuh gembira dan berterima kasih. Sebagaimana besar dan hebatnya cita-cita dan hasrat itu, Tuan Pengerusi, begitulah juga besar dan hebatnya usaha dan tenaga yang diperlukan bagi mencapai cita-cita itu; kita berkehendakkan sebuah pusat pentadbiran yang lengkap dinamis dan progresif. Ahli-ahli pakar dan kakitangan serta juga kewangan yang cukup. Tetapi memandangkan kepada peruntukan yang dibuat bagi tahun 1977 iaitu bahagian gaji dan upahan hanya sebanyak \$545,000 perjalanan dan pengangkutan hanya \$65,500 pembangunan \$1 juta dan pembangunan sehingga tahun 1980 \$5 juta. Ertinya, peruntukan pembangunan \$1 juta setahun.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak ini pada pandangan saya adalah tidak menasabah dengan usaha yang hendak kita capai-ka berbanding dengan murninya hasrat yang hendak diperjuangkan yang mana kita sedia maklum bahawa penduduk di negara ini 11 juta atau sekurang-kurangnya 5 juta orang Islam berbanding dengan kewangan yang diperuntukkan untuk kemajuannya sebanyak itu tidak menasabah pada pandangan saya. Jika ini kita tidak lakukan saya bimbang bahawa tulisan-tulisan yang kita tulis sebagaimana tiga objektif tadi hanya mendatangkan sangat sedikit hasilnya.

Tuan Pengerusi, kita akui bahawa Islam adalah merupakan saudara kembar kepada angkatan tentera, Polis dan lain-lainnya bagi

menentang fahaman komunis iaitu kepada tentera dan lain-lain itu sebagai tenaga lahiriah, maka Islam adalah merupakan tenaga rohaniyah yang mempunyai kuasa yang hampir sama, maka kalau kepada bahagian lahiriah kita berani membelanjakan beribu-ribu juta ringgit mengapa kita tidak berani memperuntukkan wang yang agak besar dalam hubungan ini.

Tuan Pengerusi, saya sadar bahawa kuasa berkenaan ugama adalah kuasa Negeri, tetapi kita tahu bahawa Negeri-negeri tidak cukup wang khususnya negeri-negeri seperti Perlis, Kelantan, Trengganu dan beberapa Negeri-negeri lain lagi. Untuk membelanjakan bagi perkembangan ugama Islam, maka supaya pihak yang bertanggungjawab di negeri-negeri ini dapat menjalankan tugasnya dengan baik bagi kemajuan perkembangan ugama Islam ini mustahaklah mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat. Ringkasnya, Tuan Pengerusi, saya mohon kepada pihak yang bertanggungjawab, pihak Kerajaan supaya tidak keberatan untuk menimbangkan tambahan-tambahan kecukupannya bila ada permohonan oleh pihak pentadbiran. Dan kepada pihak pentadbiran saya meminta supaya membuat rancangan-rancangan yang dinamis, progresif dan berani. Janganlah hendaknya terhalang daripada membuat rancangan-rancangan disebabkan oleh kekurangan peruntukan wang.

6.21 pg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri bagi Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 8, Pecahan-kepala 1100. Pada tahun ini Kerajaan bersama-sama dengan rakyat khasnya pegawai-pegawai Kerajaan telah memperbincangkan dengan begitu hangat berkenaan dengan gaji Suruhanjaya Tan Sri Ibrahim Ali dan sebelum gaji ini dilaksanakan, kita dapati, gaji salah seorang pegawai Kerajaan yang paling tinggi adalah bawah sedikit daripada Perdana Menteri, ke atas sedikit daripada Timbalan Perdana Menteri. Selain daripada itu, ramai juga pegawai-pegawai tinggi Kerajaan di negara kita ini gajinya lebih daripada Menteri-menteri. Oleh sebab tidak berapa lama lagi mungkin lapuran Suruhanjaya Tan Sri

Ibrahim Ali dilaksanakan, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula kedudukan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri supaya diselaraskan dengan apa yang sepatutnya akan dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan khasnya pegawai-pegawai tinggi mengikut Skem Gaji Tan Sri Ibrahim Ali.

Tuan Pengerusi, kedua berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Baru-baru ini pada 12hb November saya dapat peluang melihat keadaan jumaah haji di lapanganterbang Subang pada masa mereka berkumpul hendak bertolak ke tanah suci. Saya dapati pada tahun ini urusan haji yang dikelolakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji lebih sempurna dan lebih baik daripada masa yang sudah-sudah. Ini pada pendapat saya kerana pada tahun-tahun yang sudah Kerajaan telah membenarkan syarikat persendirian mengelolakan urusan haji selain daripada yang dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, akibatnya sebahagian daripadanya menyebabkan nama baik Lembaga Urusan dan Tabung Haji terjejas pada masa yang sudah-sudah. Di dalam perhatian saya sewaktu saya berjumpa dengan bakal-bakal haji saya dapati mereka berpuas hati dengan apa yang telah dikelolakan oleh pegawai-pegawai daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Daripada 3,500 orang jumlah haji pada tahun ini lebih kurang mereka yang akan bertolak terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama dengan kapal laut yang sudahpun sampai ke tanah suci. Yang kedua, sepuluh buah kapalterbang akan mengangkut jumaah haji ini ke tanah suci. Daripada apa yang saya lihat saya percaya keseluruhan urusan haji bagi tahun ini telah berjalan dengan sempurna dan baik. Saya harap cara-cara seperti ini dapat dikekalkan dan jika didapati kemungkinan pegawai-pegawai itu kurang baik eloklah diperbaiki lagi. Tetapi pada pandangan saya setakat yang adapun sudah mencukupi kerana layanan dan sebagainya tersusun, waktu untuk pergi dan cara menghantar ahli jumah haji ini telah dibuat dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebut berkenaan dengan tabungan dan pelaburan iaitu penyimpan yang pada peringkat ini telah

berjumlah lebih kurang 280,000 orang penyimpan

Tuan Pengerusi: Kepala berapa Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ghazali: Kepala Bekalan 8, Pecahan-kepala 4100.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ghazali: yang sudahpun mengumpulkan sebanyak \$205 juta. Di dalam perkembangan hari ini, Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan jika dapat, Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini daripada pendapatan keuntungan pelaburan yang telah dibuat sebanyak \$4,500 dan mungkin pada masa akan datang lebih daripada itu, saya harap supaya dikeluarkan biasiswa untuk penuntut-penuntut Islam melanjutkan pelajaran mereka ke negara-negara Islam misalnya. Selain daripada memberi biasiswa diberi peluang pula kepada penyimpan-penyimpan muda yang berumur 20 tahun ke bawah yang sudah menyimpan di dalam Tabung Haji dan hendak menunaikan fardhu haji. Mereka ini patut diberi pembayaran yang kurang daripada ahli-ahli jumaah haji yang lain, bertujuan supaya menggalakkan belia-belia kita, pemuda-pemuda yakni pelajar-pelajar yang ada di negara kita ini yang bercadang hendak menunaikan fardhu haji supaya mendapat galakan daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Mengenai berapa ramai mereka ini patut diberi peluang ataupun diberi biasiswa dan sebagainya, terpulanglah kepada budibicara atau kebijaksanaan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri.

Tuan Pengerusi, saya percaya masalah-masalah lain yang ada di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri ini saya dapati sebahagian besar daripadanya telahpun dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik. Saya berharap keadaan pentadbiran bagi masa yang akan datang sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini menjadi panduan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk pentadbirannya. Misalnya, mengenai pegawai-pegawai Kerajaan. Saya telah menyebutkan pada ucapan dasar dahulu berkenaan dengan penambahan pegawai-pegawai khasnya bagi peringkat daerah. Jadi eloklah perkara ini dapat perhatian yang berat dan jika sekira-

nya cara-cara pentadbiran peringkat daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah ini satu tanggungan yang berat, eloklah pihak Kerajaan mengkaji parut atau tidak ada seorang Timbalan Pegawai Daerah di peringkat daerah bagi membantu Pegawai Daerah.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat,

ini ialah perbahasan yang akhir dan esok Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.